



بروني دارالسلام سنترال بڠا
BRUNEI DARUSSALAM CENTRAL BANK

2024

LAPORAN
TAHUNAN



Hak cipta terpelihara. Semua maklumat dan data dalam penerbitan ini adalah setakat 31 Disember 2024, di mana maklumat disediakan oleh Brunei Darussalam Central Bank, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bahan, bentuk, atau melalui apa jua cara, sama ada elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman, atau dalam mana-mana sistem penyimpanan atau pengambilan maklumat tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Brunei Darussalam Central Bank, kecuali bagi penggunaan yang dibenarkan di bawah peruntukan urus niaga adil dalam Perintah Hak Cipta 1999 © Hak Cipta 2024.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ



*Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam*



Kandungan

Ucapan Pengerusi	11
Prakata Pengarah Urusan	13
BDCB Secara Ringkas	16
Mengekalkan Kestabilan Harga Domestik	26
Artikel 1 – Dasar Monetari Negara Brunei Darussalam dan Faedahnya	27
Artikel 2 - Pengukuran Inflasi dan Implikasinya terhadap Dasar Kewangan Negara	32
Memastikan Kestabilan dan Integriti Sistem Kewangan	34
Mewujudkan dan Memantau Sistem Pembayaran yang Cepak	44
Membangunkan Sektor Perkhidmatan Kewangan yang Kukuh dan Progresif	47
Mengeluarkan dan Mengurus Mata Wang Negara Brunei Darussalam	53
Artikel 3 - Tatacara Penggunaan Gambar Mata Wang Brunei	54
Meningkatkan Hubungan Antarabangsa	57
Pembangunan Organisasi	61
Artikel 4 - Hari Celik Kewangan Kebangsaan 2024	71
Penyata Kewangan yang Disatukan	80





Singkatan

AC	Jawatankuasa Audit
ACMF	ASEAN Capital Markets Forum
AI	Kecerdasan Buatan (Artificial intelligence)
AIC	ASEAN Insurance Council
AIRM	ASEAN Insurance Regulators' Meeting
AML	Membanteras Pembersihan Wang Haram
APG	Asia/Pacific Group on Money Laundering
ASEAN	Association of Southeast Asian Nations
ATB	ASEAN Taxonomy Board
ATO	Perintah Anti Keganasan (Anti-Terrorism Order)
BDIF	Brunei Darussalam Islamic Finance
BOT	Bank of Thailand
CAR	Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio)
CARO	Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah (Criminal Asset Recovery Order)
CBA	Pengaturan Lembaga Mata Wang (Currency Board Arrangement)
CBNI	Mata Wang Fizikal dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga (Physical Currency and Bearer Negotiable Instrument)
CFT	Pembiayaan Penganasan (Combating the Financing of Terrorism)
CIA	Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (Currency Interchangeability Agreement)
CINRG	Crime Intelligence Research Group
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (Capital Market Services Representative's Licence)
COICOP	Klasifikasi Penggunaan Individu Mengikut Tujuan (Classification of Individual Consumption According to Purpose)
CPF	Menentang Pembiayaan Percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (Counter Proliferation Financing of Weapons of Mass Destruction)
CSB	Cyber Security Brunei
CSR	Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility)
CTR	Laporan Transaksi Tunai (Cash Transaction Reports)
DNFBPs	Institusi-institusi kewangan dan bukan kewangan (Designated Non-Financial Businesses and Professions)
DPH	Hab Pembayaran Digital (Digital Payment Hub)
FATF	Financial Action Task Force
FDI	Pelaburan langsung asing (Foreign Direct Investment)
FIU	Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Unit)
FMSC	Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (Financial and Monetary Stability Committee)
FPS	Sistem Pembayaran Pantas (Fast Payment Systems)
FSBP	Financial Sector Blueprint
HES	Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah (Household Expenditure Survey)
HND	Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma)
HRC	Jawatankuasa Sumber Manusia (Human Resource Committee)
IAC	Jawatankuasa Penasihat Pelaburan (Investment Advisory Committee)
IBTE	Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Institute of Brunei Technical Education)
IFDI	Penunjuk Pembangunan Kewangan Islam (Islamic Finance Development Indicator)
IFSB	Islamic Financial Services Board
IHP	Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index)



Singkatan

IMF	International Monetary Fund
IOSCO	International Organization of Securities Commissions
ITIL	Information Technology Infrastructure Library
JPES	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi
LCR	Liquidity Coverage Ratio
LPKS	Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah
LSEG	London Stock Exchange Group
MAS	Monetary Authority of Singapore
MER	Laporan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation Report)
MOFE	Kementerian Kewangan dan Ekonomi (Ministry of Finance and Economy, Brunei Darussalam)
MoU	Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding)
NAMLC	Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (National Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism Committee)
ndpx	National Digital Payments Network Sdn Bhd
NFLC	Majlis Celik Kewangan Kebangsaan (National Financial Literacy Council)
NFLD	Hari Celik Kewangan Kebangsaan (National Financial Literacy Day)
NSD	Hari Menabung Kebangsaan (National Savings Day)
OJK	Otoritas Jasa Keuangan
OSF	Kemudahan Semalaman (Overnight Standing Facilities)
PB	Politeknik Brunei
PMKS	Perusahaan mikro, kecil, dan sederhana
PPDB	Pasukan Polis Diraja Brunei
RBCS	Modal Berasaskan Risiko dan Kemampubayaran (Risk-Based Capital and Solvency)
RBS	Penyeliaan Berasaskan Risiko (Risk-Based Supervision)
RMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee)
RPC	Keterhubungan Pembayaran Serantau (Regional Payment Connectivity)
RTGS	Real-Time Gross Settlement
S\$NEER	Tukaran Efektif Nominal Dolar Singapura (SGD Nominal Effective Exchange Rate)
SEACEN	South East Asian Central Banks Research and Training Centre
SFR	Pelan Hala Tuju Kewangan Lestari (Sustainable Finance Roadmap)
SGF	Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (Syariah Governance Framework)
SIR	Laporan Kredit Kendiri (Self-inquiry reports)
STR	Laporan Transaksi yang Mencurigakan (Suspicious Transaction Reports)
SWIFT	Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunications
TEMAN	Mesyuarat Teknikal Mints di ASEAN (Technical Meeting of the Mints in ASEAN)
TFR	Peraturan Anti Keganasan (Pembiayaan Pengganas) (Anti-Terrorism (Terrorist Financing) Regulations)
UBD	Universiti Brunei Darussalam
UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali
UTB	Universiti Teknologi Brunei
WC-FINC	Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Rangkuman Kewangan (ASEAN Working Committee on Financial Inclusion)
WC-PSS	Jawatankuasa Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (ASEAN Working Committee on Payment and Settlement Systems)



Senarai Rajah dan Jadual

Rajah

Rajah 1	Sorotan ekonomi domestik 2024
Rajah 2	Agregat monetari 2024
Rajah 3	Statistik utama perlindungan pengguna kewangan 2024
Rajah 4	Statistik STR, CTR, CBNI bagi tahun 2024
Rajah 5	Objektif strategik Strategi Kebangsaan bagi AML/CFT/CPF
Rajah 6	Sorotan utama 2024 berkaitan infrastruktur kewangan
Rajah 7	Statistik mata wang pada tahun 2024
Rajah 8	Demografi warga BDCB pada tahun 2024
Rajah 9	Inisiatif-inisiatif pemberigaan
Rajah 10	Sasaran inisiatif celik kewangan

Jadual

Jadual 1	Kumpulan dan berat yang digunakan dalam pengiraan IHP
Jadual 2	Tahap pematuhan teknikal semasa bagi Negara Brunei Darussalam
Jadual 3	Jerayawara sekolah sempena NFLD 2024





Ucapan Pengerusi



Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin
bin Haji Abdul Hamid

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi
(Ekonomi)

Pengerusi, Lembaga Pengarah
Brunei Darussalam Central Bank

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَبَعْدُ

Alhamdulillah, ekonomi domestik terus mengekalkan momentum pertumbuhannya pada tahun 2024, dengan pertumbuhan tahunan mencecah 4.2 peratus, didorong oleh perkembangan dalam aktiviti aliran. Tekanan disinflasi berterusan sepanjang tahun mencerminkan pengurangan gangguan rantaian bekalan dan penyusutan harga komoditi. Sementara itu, ekonomi global kekal stabil pada tahun 2024 dan dijangka akan terus stabil pada tahun 2025. Tekanan inflasi terus mereda, menandakan berakhirnya kitaran ekonomi pascapandemik dan kembali kepada sasaran bank-bank pusat. Walau bagaimanapun, tahun 2024 turut ditandai dengan kemunculan pelbagai cabaran global yang berlaku serentak, termasuk tekanan inflasi, ketegangan geopolitik yang berterusan, dan cuaca ekstrem, yang semuanya telah menguji kekukuhan ekonomi global.

Dalam menghadapi perkembangan ini, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) kekal memberi tumpuan kepada mandatnya untuk mengekalkan kestabilan monetari dan kewangan. Pada tahun 2024, dasar monetari negara, yang berasaskan Pengaturan Lembaga Mata Wang (Currency Board Arrangement) dan disokong oleh Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (Currency Interchangeability Agreement) dengan Singapura, terus menyediakan kestabilan makroekonomi dengan mengurangkan kesan tekanan inflasi dari luar negara. Selain itu, sektor kewangan kita kekal kukuh, seperti yang dibuktikan dengan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus dari tahun ke tahun dalam jumlah aset sektor kewangan kepada BND25.2 bilion.

Menyedari bahawa sektor kewangan yang stabil dan kukuh adalah penting untuk menyokong aspirasi ekonomi negara, BDCB tetap teguh dalam memastikan sistem kewangan berada dalam kedudukan yang baik bukan sahaja untuk membiayai keperluan ekonomi masa kini, tetapi juga bersedia menghadapi masa depan. Sektor perbankan, yang merangkumi majoriti aset sektor kewangan negara, kekal kukuh dengan kedudukan kecukupan modal dan kecairan yang mantap.



Pada tahun lalu, BDCB telah memperkukuh lagi rangka kerja pengawalseliaan berhemat bagi industri perbankan melalui pengenalan Liquidity Coverage Ratio (LCR). Usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan kesiapsiagaan sektor kewangan terhadap ketidaktentuan yang tidak dijangka dengan merumuskan satu rangka kerja pemulihan dan penyelesaian yang menyeluruh.

Dalam usaha melindungi integriti sistem kewangan, BDCB komited untuk membanteras aktiviti dan skim penipuan. Sepanjang tahun, BDCB telah memperluas inisiatif pemberigaannya dengan mengadakan program jangkauan masyarakat yang merangkumi pelbagai demografi serta meneruskan kerjasama dengan sektor awam dan swasta bagi pertukaran maklumat risikan berkaitan jenayah kewangan.

Ketika kita menghampiri tahun terakhir Financial Sector Blueprint (FSBP) 2016–2025, penting untuk kita menilai kemajuan yang telah dicapai serta kesannya terhadap ekonomi secara menyeluruh. Di samping terus melaksanakan strategi yang telah ditetapkan sejak tahun 2016, kita juga perlu mengambil kira perubahan pesat di sekeliling kita, seperti kecerdasan buatan (AI) dan pengkomputeran kuantum. Perkara ini akan menjadi aspek penting dalam merangka FSBP 2026–2035 yang akan datang, yang akan menentukan hala tuju masa depan sektor kewangan kita.

Yang pasti: sektor kewangan bersedia untuk terus memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada perubahan transformatif dalam ekonomi Negara Brunei Darussalam. Bagi pihak BDCB, walaupun keadaan terus berubah, mandat kami kekal untuk berkhidmat demi kepentingan orang ramai. Oleh itu, kami akan terus memperkukuh kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan bagi memastikan keberkesanan sebarang pembaharuan pengawalseliaan dan bekerjasama ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Sebagai penutup, saya berbesar hati mengalu-alukan pelantikan Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu sebagai Pengarah Urusan baharu BDCB. Pengalaman luas dan kepakaran beliau dalam bidang perbankan pusat amat bernilai kepada institusi ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, mantan Pengarah Urusan, atas sumbangan besar beliau kepada BDCB. Di bawah kepimpinan beliau, beberapa pencapaian penting telah dicapai, antarlainnya pelaksanaan langkah-langkah pengawalseliaan interim semasa pandemik COVID-19, penerbitan Pelan Strategik BDCB (2021–2025), pelancaran Program BDCB Islamic Bills (I-Bills) pada tahun 2020, Pengerusian Mesyuarat Gabenor Bank Pusat ASEAN oleh BDCB pada tahun 2021, serta pengeluaran wang syiling kenangan-kenangan sempena Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Ke-40 pada tahun 2024.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen yang tidak berbelah bagi, komitmen, dan dedikasi Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Eksekutif, dan semua pegawai serta kakitangan sepanjang tahun 2024 dalam menggerakkan misi untuk melaksanakan mandat organisasi dengan berkesan. Dalam hal ini, dengan sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan BDCB 2024.

Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid



Prakata

Pengarah Urusan



Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Pertama sekali, saya ingin menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya untuk memegang amanah sebagai Pengarah Urusan BDCB. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada mantan Pengarah Urusan, Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, atas kepimpinan cemerlang dan bimbingan yang amat bernilai sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di BDCB.

Pada tahun 2024, ekonomi global berada dalam fasa pemulihan secara beransur-ansur dengan tekanan inflasi yang semakin reda serta peralihan berwaspada ke arah pelonggaran dasar monetari. Dalam masa yang sama, tahun tersebut turut menyaksikan peningkatan ketidakpastian geopolitik, perubahan dasar yang memberi kesan kurang positif daripada kerajaan-kerajaan baharu yang dilantik, serta kejadian iklim ekstrem – yang kesemuanya menjadi punca utama kepada ketidakpastian dan ketidaktentuan terhadap ekonomi dan pasaran kewangan global.

Walaupun menghadapi persekitaran yang dinamik dan mencabar, Alhamdulillah, sektor kewangan kita kekal berdaya tahan. Dalam melaksanakan tanggungjawab untuk melindungi industri ini, BDCB terus memperkemaskan rangka kerja pengawasannya bagi mendukung piawaian pengawalseliaan yang tinggi di samping menggalakkan perkembangan dan inovasi. Dari segi kawal selia, beberapa langkah telah diambil untuk menyelaraskan rangka kerja pengurusan risiko sektor kewangan dengan amalan terbaik dan piawaian antarabangsa, seperti pindaan Notis Pengesanan Awal Pencerobohan Siber dan Laporan Insiden bagi Institusi Kewangan serta Garis Panduan mengenai Platform Rantaian Blok (Blockchain).

BDCB juga terus giat berusaha dalam mempromosikan sektor kewangan yang dinamik dan berdaya saing. Antara pencapaian penting pada tahun 2024 ialah pelancaran Mekar, Pusat Inovasi FinTech, yang bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dan inovasi yang bertanggungjawab dalam kalangan penggiat FinTech. Selain itu, BDCB secara aktif turut menyokong pembangunan Hab Pembayaran Digital Kebangsaan, yang diterajui oleh National Digital Payments Network Sdn Bhd (ndpx), sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memodenkan perkhidmatan pembayaran dalam sektor kewangan. Hab yang bakal dilancarkan tidak lama lagi, akan meningkatkan kecekapan dan keselamatan pembayaran digital, sekali gus mengukuhkan aspirasi negara untuk menjadi Negara Pintar.

Dalam masa yang sama, BDCB terus mempromosikan ekonomi yang mampan melalui perumusan Pelan Hala Tuju Kewangan Lestari, yang dijangka akan diterbitkan pada tahun 2025. Pelan hala tuju ini akan menyediakan panduan yang jelas kepada sektor kewangan dalam mengintegrasikan amalan lestari dan menangani cabaran alam sekitar jangka panjang secara berkesan.

Dalam memajukan kewangan Islam, BDCB telah bekerjasama dengan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menganjurkan Simposium Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam 2024 bagi julung kalinya. Simposium ini menghimpunkan para pemikir daripada pelbagai latar belakang bagi membincangkan isu-isu utama berkaitan kewangan Islam. Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini menyerlahkan komitmen kami untuk menyediakan persekitaran yang kondusif bagi sektor kewangan untuk terus berkembang dengan lebih pesat.

Seiring dengan perkembangan sektor kewangan, kebimbangan terhadap penipuan kewangan juga meningkat. Oleh itu, mempromosikan celik kewangan kekal menjadi keutamaan BDCB. Pada tahun 2024, kita telah meraikan ulang tahun ke-10 Hari Menabung Kebangsaan dengan objektif utama untuk memupuk budaya menabung dan pengurusan kewangan yang praktikal. Sempena sambutan ini, BDCB telah melaksanakan pelbagai program jangkauan masyarakat di seluruh negara dan menganjurkan Pesta Kewangan kali kelima dengan tema '**Celik Kewangan Digital**'. Aplikasi mudah alih BDCB yang baharu juga dilancarkan semasa acara tersebut, yang bertujuan untuk meningkatkan akses orang ramai kepada sumber-sumber BDCB, termasuk akses kepada perkembangan terkini. Selain itu, kami turut meraikan penjenamaan semula Hari Menabung Kebangsaan kepada Hari Celik Kewangan Kebangsaan, sebagai pengiktirafan terhadap peranan penting pendidikan kewangan dalam membina masyarakat yang berdaya tahan.

Memandang ke hadapan, peningkatan tahap kecanggihan dalam perkhidmatan kewangan akan lebih menuntut kemahiran khusus. Oleh itu, sektor kewangan juga perlu membuat penyesuaian bakat dalam menghadapi perubahan ini. BDCB terus menawarkan peluang biasiswa kepada kakitangan BDCB serta penempatan sementara di institusi antarabangsa sebagai usaha untuk memupuk bakat dan memastikan keselarasan dengan tuntutan industri. Selain itu, BDCB juga terus memperkukuh jalinan kerjasama dengan institusi akademik tempatan, seperti yang dizahirkan melalui pemeteraian dua Memorandum Persefahaman bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB). Kerjasama baharu ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama dalam bidang penyelidikan, perkongsian data dan maklumat, serta pembangunan kapasiti.



Di luar peringkat domestik, BDCB terus melibatkan diri dalam inisiatif yang memperkukuh kerjasama dan integrasi antarabangsa. Pada tahun 2024, BDCB berbesar hati menjadi tuan rumah kepada beberapa acara antarabangsa penting, iaitu Sidang Kemuncak Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam Ke-16, Mesyuarat Pengawal Selia Insurans ASEAN Ke-27 dan Mesyuarat Majlis Insurans ASEAN ke-50.

Sebagai langkah dalam memperkasakan kemajuan teknologi dalam operasi kami, BDCB telah melancarkan Pelan Hala Tuju Transformasi Digital 2024–2028, yang direka sebagai panduan bagi BDCB dalam memanfaatkan data dan inovasi dalam pelaksanaan kerja harian. Sebagai sebahagian daripada agenda kemampanan, BDCB turut mengambil langkah proaktif untuk mengamalkan amalan lestari dalam pelaburan, operasi mata wang, dan penggunaan tenaga.

Memandangkan tahun 2025 merupakan tahun terakhir bagi Pelan Strategik BDCB 2021–2025 dan FSBP 2016–2025, BDCB terus melaksanakan usaha bersepadu bagi merealisasikan baki inisiatif tindakan strategik. Pada masa yang sama, persiapan sedang dilaksanakan untuk menerbitkan kitaran seterusnya bagi FSBP dan pelan strategik yang akan menjadi panduan hala tuju sektor kewangan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai penutup, saya mengucapkan setulus-tulus penghargaan dan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan kami – tulang belakang BDCB – atas usaha gigih dan profesionalisme, yang tanpanya pencapaian ini tidak mungkin dicapai. Saya juga ingin menyatakan penghargaan tulus ikhlas kepada Ahli Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka sepanjang tahun 2024. Bersama-sama, kita kekal komited terhadap misi BDCB untuk memastikan sistem kewangan yang stabil, selamat, dan progresif demi menyokong kemakmuran jangka panjang Negara Brunei Darussalam.

Hajah Rashidah binti Haji Sabtu



BDCB Secara Ringkas

Visi, Misi, dan Objektif

Visi

Dengan rahmat dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wa Ta'ala, untuk menjadi sebuah bank pusat yang dinamik serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang progresif dan mampan.

Misi

Memastikan sistem monetari dan kewangan berfungsi dengan baik, serta mempromosikan perkembangan sektor kewangan yang stabil dan progresif.

Objektif

Menurut Seksyen 4, Perintah BDCB, 2010, objektif-objektif utama BDCB adalah seperti berikut:

OBJEKTIF #1:

Mencapai dan mengekalkan kestabilan harga domestik



BDCB mengurus dan melaksanakan dasar Lembaga Mata Wang (CBA), yang disokong oleh Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA) antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

CBA

Semua mata wang Brunei dalam edaran disandarkan sepenuhnya oleh rizab mata wang asing.

CIA

Membolehkan pertukaran mata wang Brunei dan Singapura pada nilai yang setara.

OBJEKTIF #2

Memastikan kestabilan sistem kewangan



Dengan penyediaan peraturan dan penyeliaan kewangan yang berkeenaan, BDCB memainkan peranan penting dalam mengekalkan kestabilan kewangan dan mengurangkan risiko yang berpotensi memberi kesan sistemik kepada ekonomi. Ini membantu untuk memastikan sistem kewangan sentiasa berdaya tahan dalam menangani sebarang kejutan atau gangguan.

OBJEKTIF #3

Membantu dalam penubuhan dan pengendalian sistem pembayaran yang cekap, serta memantau pelaksanaannya




BDCB memantau sistem pembayaran dan penyelesaian secara keseluruhan, antaranya untuk memastikan perlindungan pengguna kewangan. Sistem pembayaran dan penyelesaian negara ditubuhkan oleh BDCB sebagai platform digital yang cekap dan selamat bagi sistem pembayaran antara bank-bank.

OBJEKTIF #4

Memupuk dan membangunkan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif



BDCB mempunyai peranan penting untuk memupuk dan mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan. Ini dicapai dengan kerjasama aktif dan perundingan dengan industri yang berkaitan bagi menyokong matlamat pembangunan ekonomi yang mampan dan inklusif.



Lembaga Pengarah

Pengerusi

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi)

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia
Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina
binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal)

Ahli-ahli

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar
bin Haji Mat Dain @ Maidin
Timbalan Mufti Kerajaan
Jabatan Mufti Kerajaan


Yang Mulia
Pengiran Hajah Siti Nirmala
binti Pengiran Haji Mohammad
Setiausaha Tetap (Wawasan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah
binti Haji Ahmad Ariffin
Setiausaha Tetap
(Ekonomi, Perdagangan dan Industri)
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi
Peguamcara Negara, Jabatan Peguam Negara
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank
(Berkuat kuasa 21 Disember 2024)

Yang Mulia
Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank
(Hingga 20 Disember 2024)



Pengurusan Eksekutif

Pengarah Urusan

Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
(Berkuat kuasa 21 Disember 2024)
(Sebelum ini Timbalan Pengarah Urusan,
Pengawalseliaan dan Penyeliaan, BDCB)

Yang Mulia
Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar
(Hingga 20 Disember 2024)

Timbalan-timbalan Pengarah Urusan


Yang Mulia
Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman
Pengawalseliaan dan Penyeliaan
(Berkuat kuasa 21 Disember 2024)
(Sebelum ini Timbalan Pengarah Urusan,
Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa, BDCB)

Yang Mulia
Awang Mardini bin Haji Eddie
Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa
(Berkuat kuasa 21 Disember 2024)
(Sebelum ini Penolong Pengarah Urusan, Operasi Monetari, BDCB)

Penolong Pengarah Urusan

Yang Mulia
Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat
Perkembangan Korporat

Yang Mulia
Dayang Hajah Mahani binti Haji Mohsin
Pengawalseliaan dan Penyeliaan



Tadbir Urus

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC)

FMSC berperanan untuk memantau risiko kewangan dan persekitaran ekonomi domestik dan global. Selain itu, FMSC juga mencadangkan dasar-dasar kepada Lembaga Pengarah dan mengekalkan dasar Lembaga Mata Wang selaras dengan Perintah Mata Wang, 2004 yang telah dipinda kepada Perintah Mata Wang dan Monetari (Pindaan), 2010, ke arah mengekalkan kestabilan monetari Negara Brunei Darussalam.

Ahli-ahli FMSC setakat 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Pengerusi

Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank

Ahli-ahli

Yang Mulia
Dayang Hajah Noorrafidah binti Sulaiman
Timbalan Pengarah Urusan
Pengawalseliaan dan Penyeliaan
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Awang Mardini bin Haji Eddie
Timbalan Pengarah Urusan
Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Pengiran Hajah Noorasiah binti
Pengiran Md Hassan
Pemangku Timbalan Jurukira Agung
Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi


Yang Mulia
Dayang Heidi Farah Sia binti Abd Rahman
Pemangku Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Penolong Pengarah Urusan
Operasi Monetari, Perkembangan and Antarabangsa
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Penolong Pengarah Urusan
Pengawalseliaan dan Penyeliaan
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Awang Haji Zulhazmi bin Haji Jaludin
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Perlindungan Deposit Brunei
Darussalam
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia
Dr. Awang Mohd Hairul Azrin
bin Haji Besar
Penolong Profesor, Sekolah Perniagaan dan
Ekonomi UBD
dan Pengarah Pusat Pengajian Islam Sultan Omar
'Ali Saifuddin



Tadbir Urus

Jawatankuasa Penasihat Pelaburan (IAC)

IAC bertanggungjawab untuk memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah BDCB mengenai pemilihan pelaburan, dasar pelaburan dan sebarang pengemaskinian ke atasnya. IAC menyelia proses pemilihan dan pelantikan pengurus dana luar, dan membantu dalam penilaian prestasi pelaburan pengurus-pengurus dana tersebut. Seterusnya, IAC bertanggungjawab untuk menyemak dan menilai cadangan pelaburan oleh pihak Pengurusan Eksekutif dan menyemak perkara-perkara lain yang berkaitan seperti mana yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah BDCB.

Ahli-ahli IAC, setakat 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pengerusi

Yang Mulia
Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani
Pengarah Urusan
Agensi Pelaburan Brunei

Timbalan Pengerusi


Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank

Ahli-ahli

Yang Mulia
Awang Mardini bin Haji Eddie
Timbalan Pengarah Urusan
Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Penolong Pengarah Urusan
Operasi Monetari, Perkembangan dan Antarabangsa
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Awang Haji Mokhzani Izhar
bin Pehin Orang Kaya Seri Kerna
Dato Seri Setia Dr Haji Abu Bakar
Pengurus Kanan
Agensi Pelaburan Brunei



Tadbir Urus

Jawatankuasa Sumber Manusia (HRC)

HRC bertanggungjawab dalam penelitian, pindaan dan meluluskan Terma-Terma dan Syarat-Syarat Perkhidmatan Pekerja, dasar sumber manusia, serta dasar ganjaran dan pengiktirafan. Selain itu, jawatankuasa ini juga mengesahkan cadangan bagi sokongan pengurniaan Bintang-Bintang Kebesaran dan Pingat-Pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam serta untuk meluluskan dan/atau mengesahkan pelantikan pegawai kanan seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah BDCB.

Ahli-ahli HRC, setakat 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pengerusi


Yang Mulia
Awang Ajman bin Haji Meludin
Setiausaha Tetap
(Urus Tadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Ahli-ahli

Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Dayang Hajah Sufinah binti Haji Sahat
Penolong Pengarah Urusan
Perkembangan Korporat
Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia
Awang Mohammad Yazdi Haji Yahya
Ketua Pegawai Sumber Manusia dan Pentadbiran
Progresif Sdn. Bhd.



Tadbir Urus

Jawatankuasa Audit (AC)

Di bawah peruntukan Perintah BDCB, 2010, Bab 21 (4), AC bertanggungjawab untuk memantau bahagian Audit Dalaman, meneliti dan memberikan sokongan mengenai pelantikan juruaudit luar, skop pengauditan luaran dan perkhidmatan lain yang berkaitan, serta memudahkan perbincangan antara juruaudit mengenai sebarang penemuan dan cadangan, dan menilai penyata kewangan tahun akhir bersama juruaudit luar. Bahagian Audit Dalaman memberikan bantuan kepada AC dalam melaksanakan peranannya dengan memberikan jaminan secara bebas dan objektif mengenai pendedahan risiko BDCB, pematuhan terhadap dasar dalaman dan kecekapan serta keberkesanan kawalan dalaman dan prosedur yang bersesuaian.

Ahli-ahli AC, setakat 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pengerusi

Yang Mulia

Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi
Peguamcara Negara di Pejabat Peguam Negara
Jabatan Perdana Menteri

Ahli-ahli

Yang Mulia

Awang Haji Hairul Mohd Daud
bin Haji Abdul Karim
Timbalan Setiausaha Tetap
(Infokomunikasi)
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Yang Mulia

Pengiran Hajah Noorasiah
binti Pengiran Mohd Hassan
Pemangku Jurukira Agung
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia


Pengiran Hajah Normaswati
binti Pengiran Anak Haji Manshor
Pemangku Timbalan Jurukira Agung
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia

Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis
Ketua Pegawai Eksekutif
I.T. Protective Security (ITPSS)

Yang Mulia

Pengiran Haji Johari
bin Pengiran Haji Abd Ghani
Ketua, Pelan Kesyinambungan Perniagaan
Agensi Pelaburan Brunei



Tadbir Urus

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC bertanggungjawab untuk melaporkan dan memberikan nasihat kepada Lembaga Pengarah BDCB mengenai toleransi risiko keseluruhan BDCB, rangka-rangka kerja pengurusan risiko yang merangkumi pelbagai prinsip, dasar, sistem, proses, dan prosedur serta menyelia pembangunan rangka-rangka kerja pengurusan risiko keseluruhan BDCB.

Ahli-ahli RMC, setakat 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pengerusi

Yang Mulia

Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Arifin

Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri)

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Ahli-ahli

Yang Mulia

Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu

Pengarah Urusan

Brunei Darussalam Central Bank

Yang Mulia

Dayang Mazriyani binti Haji Abd Ghani

Pemangku Pengarah Komunikasi

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Yang Mulia

Awang Haji Hairul Mohd Daud

bin Haji Abdul Karim

Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi)

Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

Yang Mulia

Pengiran Haji Johari

bin Pengiran Haji Abdul Ghani

Ketua, Pelan Kesenambungan Perniagaan

Agensi Pelaburan Brunei


Yang Mulia

Kolonel (B) Muhd Harrith Rashidi

bin Haji Muhd Jamin

Pengarah (Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan)

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



Tadbir Urus

Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS)

LPKS ditubuhkan di bawah Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006. Lembaga ini diberikan mandat untuk menentukan hukum Syariah bagi sebarang perkara kewangan, mengeluarkan peraturan berhubung perkara yang dirujuk kepadanya, dan memberikan nasihat berkaitan isu Syariah yang berkaitan dengan perniagaan, aktiviti, atau transaksi kewangan.

Ahli-ahli SFSB, setakat 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pengerusi

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja
Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin

Timbalan Pengerusi

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar
bin Haji Mat Dain @ Maidin
Timbalan Mufti Kerajaan
Pejabat Mufti Kerajaan

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan
bin Haji Yusof
Penolong Mufti (Buhuth)
Pejabat Mufti Kerajaan

Ahli-ahli

Yang Arif
Awang Haji Hassan bin Haji Metali
Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

Yang Mulia
Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank


Yang Mulia
Dr. Awang Haji Hardifadhillah
bin Haji Mohd Salleh
Pengarah, Jabatan Perundangan Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dr. Awang Mohd Hairul Azrin
bin Haji Besar
Penolong Profesor, Sekolah Perniagaan dan
Ekonomi UBD dan Pengarah Pusat Pengajian
Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddin

Yang Mulia
Awang Haji Mas Reduan bin Haji Jumat
Ketua Buhuth, Pejabat Mufti Kerajaan



Tadbir Urus Struktur Organisasi





Mengekalkan Kestabilan Harga Domestik

BDCB kekal komited terhadap mandatnya untuk mengekalkan kestabilan harga dan memastikan persekitaran monetari yang kukuh di tengah-tengah keadaan ekonomi global dan serantau yang semakin berkembang. Selaras dengan ini, BDCB akan terus memastikan rangka kerja monetari yang berkesan, melaksanakan langkah-langkah strategik yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan.


Mengekalkan kestabilan harga dalam landskap ekonomi yang berubah-ubah
Pada tahun 2024, ekonomi global mengalami pertumbuhan yang stabil namun masih di bawah tren. Amerika Syarikat menunjukkan kedayatahan yang didorong oleh perbelanjaan pengguna yang kuat dan pasaran buruh yang kukuh, sementara Eropah dan China menghadapi cabaran struktur dan permintaan yang lebih lemah. Tekanan inflasi mereda tetapi masih melebihi sasaran bank-bank pusat.

Memandang ke hadapan, International Monetary Fund (IMF) meramalkan pertumbuhan global kepada 3.3% pada tahun 2025 dan 2026, dengan kenaikan semula ramalan ke paras yang lebih tinggi bagi Amerika Syarikat, yang mengimbangi ramalan lebih lemah di tempat lain. Inflasi dijangka mereda kepada 4.2% pada tahun 2025 dan 3.5% pada tahun 2026. Walau bagaimanapun, pengunjuran pertumbuhan jangka waktu pendek adalah tertakluk pada risiko penurunan yang disebabkan oleh ketegangan perdagangan, tarif, dan konflik geopolitik. Faktor-faktor ini boleh menjejaskan pertumbuhan global, menanggungkan pelonggaran monetari, dan memberikan kesan pada kestabilan fiskal dan kewangan dalam jangka waktu sederhana.


Secara domestik, ekonomi Negara Brunei Darussalam terus berkembang, dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.2% dicatatkan pada tahun 2024. Pertumbuhan ini dipacu oleh prestasi kukuh dalam kedua-dua sektor Minyak dan Gas dan sektor Bukan Minyak dan Gas, yang masing-masing meningkat sebanyak 5.5% dan 3.1%.

Momentum pertumbuhan ini dijangka akan berterusan, dengan disokong oleh pengeluaran kukuh dalam sektor Minyak dan Gas, pengembangan yang mampan dalam sektor Bukan Minyak dan Gas, dan kemajuan pesat dalam projek pelaburan langsung asing (FDI) dalam industri hiliran. Walau bagaimanapun, risiko luaran yang berpotensi timbul termasuk permintaan yang lebih lemah daripada rakan perdagangan utama dan harga komoditi yang lebih rendah, mungkin menimbulkan cabaran kepada prospek ekonomi.

Rajah 1: Sorotan ekonomi domestik 2024



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi




Pada tahun 2024, keseluruhan Indeks Harga Pengguna (IHP) merosot sebanyak 0.4% kepada 106.4 berbanding 106.8 pada tahun 2023. Tren ini sejajar dengan pergerakan disinflasi global dan konsisten dengan ramalan inflasi BDCB dalam Kenyataan Dasar BDCB 2/2024, yang mengunjurkan julat -0.7% hingga 0.3%.

Dasar monetari BDCB, yang berasaskan pariti satu-ke-satu Dolar Brunei (BND) dengan Dolar Singapura (SGD), telah memainkan peranan penting dalam

mengurangkan inflasi yang diimport. Perkara ini telah diperkukuh dengan subsidi dan kawalan harga pentadbiran, yang membantu dalam menstabilkan harga domestik. Di samping itu, keputusan Monetary Authority of Singapore (MAS) pada bulan Oktober 2024 untuk mengekalkan dasar kadar kenaikan Singapore Dollar Nominal Effective Exchange Rate atau Tukaran Efektif Nominal Dolar Singapura (S\$NEER) telah memberikan sokongan selanjutnya dalam menguruskan tekanan inflasi.

Artikel 1 – Dasar Monetari Negara Brunei Darussalam dan Faedahnya

Apakah dasar monetari Negara Brunei Darussalam?



Rangka kerja dasar monetari Negara Brunei Darussalam adalah unik dan telah diguna pakai sejak tahun 1967. Dasar ini telah terbukti berkesan memandangkan rekod panjang negara yang menunjukkan inflasi yang rendah dan stabil. Ia terdiri daripada dua komponen:

Aturan Lembaga Mata Wang ataupun Currency Board Arrangement (CBA)

BND disandarkan kepada SGD dan disokong 100% dengan rizab asing.

Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang ataupun Currency Interchangeability Agreement (CIA)

dengan Singapura memastikan BND dan SGD dinilai pada nilai yang setara dan diterima oleh pihak berkuasa monetari dan bank di kedua-dua negara. BND dan SGD merupakan wang sah laku (customary tender) di Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Faedah

Aturan Lembaga Mata Wang (CBA)

Melindungi keyakinan pengguna: Sandaran penuh setiap Dolar Brunei oleh rizab asing memupuk keyakinan terhadap nilainya. Pengguna boleh percaya pada kebolehtukaran di bawah CBA bahawa setiap BND yang dikeluarkan disokong sepenuhnya oleh aset dalam bentuk rizab asing. Ini bermakna BND bukan jenis wang fiat yang tidak disokong tanpa nilai intrinsik. Sebaliknya, BND merupakan wang fidusiari yang dikeluarkan oleh BDCB yang disokong sepenuhnya oleh aset pendasar.

Memastikan disiplin monetari dan fiskal: Pengeluaran Dolar Brunei oleh BDCB terikat secara langsung dengan paras rizabnya, dengan memastikan bahawa sejumlah mata wang yang boleh disokong oleh rizab sahaja dikeluarkan. Amalan ini memerlukan dasar monetari yang ketat dan berdisiplin, sistem kewangan yang sihat dan pendekatan fiskal yang konservatif.

Kredibiliti dasar monetari dan kawalan inflasi: CBA yang berdisiplin tinggi meningkatkan kredibiliti dasar monetari BDCB. Ini menyumbang kepada inflasi yang agak rendah dan stabil, melindungi simpanan dan kuasa beli pengguna daripada risiko inflasi yang tidak terkawal.

Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA)

Inflasi rendah dan stabil: Inflasi Negara Brunei Darussalam berada pada tahap yang agak rendah dan stabil untuk jangka waktu yang sangat lama antarlainnya kerana dasar monetari negara, kawalan harga pentadbiran ke atas barangan yang terpilih, dan beberapa subsidi yang diberikan. Inflasi yang rendah dan stabil memanfaatkan orang ramai yang tidak perlu mengalami turun naik harga yang mendadak. Kestabilan harga boleh menyokong pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan dengan membolehkan orang ramai merancang dan membuat keputusan dengan lebih yakin mengenai pinjaman, perbelanjaan, simpanan, pelaburan dan pengembangan perniagaan.

Kestabilan mata wang: Kadar pertukaran tetap di bawah sistem tambatan menandakan kestabilan kadar pertukaran dan memberikan keyakinan terhadap nilai Dolar Brunei. Kestabilan mata wang ini membantu dalam membuat keputusan harian dan membolehkan perancangan yang lebih baik untuk simpanan, perbelanjaan, dan pelaburan untuk isi rumah dan perniagaan. Kestabilan kadar pertukaran juga merupakan satu faktor yang boleh menarik pelaburan masuk dan memudahkan perdagangan untuk sesebuah ekonomi.

Faedah

Aturan Lembaga Mata Wang (CBA)

Kestabilan makroekonomi: Seperti yang dinyatakan oleh IMF dalam perundingan Artikel IV mengenai Negara Brunei Darussalam, iaitu "Sandaran kepada Dolar Singapura kekal bersesuaian, memberikan tambatan nominal yang berkredibiliti dan kestabilan terhadap sistem kewangan. Lembaga mata wang telah membantu mengekalkan kadar inflasi dan kadar turun naik yang rendah, yang menunjukkan bahawa kredibiliti tambatan tersebut mampu mengawal inflasi dan mengekalkan kestabilan makroekonomi."


Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA)

Memudahkan transaksi rentas sempadan:


CBA dan CIA menghapuskan risiko pertukaran asing atau mata wang, dan menjadikan transaksi rentas sempadan antara Brunei Darussalam dan Singapura lebih lancar dan dapat dijangka. Ini memudahkan sesiapa yang kerap berulang-alik, yang boleh menggunakan kedua-dua mata wang tanpa perlu menukarnya kepada mata wang tempatan. Selain itu, ia turut memberi manfaat kepada perniagaan dan pelabur dari Negara Brunei Darussalam dengan mengurangkan kebimbangan terhadap turun naik kadar pertukaran dan risiko mata wang semasa menjalankan urusan niaga dengan Singapura. Ini membantu untuk memudahkan aliran perdagangan dan pelaburan yang lebih kukuh.

Import yang lebih murah:

Kadar pertukaran BND/SGD lebih kukuh berbanding dengan mata wang lain. Ini boleh menjadikan import lebih murah, dan seterusnya meningkatkan kuasa beli kerana Negara Brunei Darussalam sangat bergantung kepada import daripada rakan dagang. Dolar Brunei yang lebih kukuh boleh membantu mengurangkan kesan inflasi yang diimport.



Rajah 2: Agregat monetari 2024



Memandangkan landskap ekonomi yang semakin berkembang ini, BDCB telah mengambil langkah proaktif untuk memastikan kestabilan monetari sambil menyokong kecairan pasaran. Aspek utama bagi usaha ini ialah penggunaan instrumen monetari, termasuk Kemudahan Semalaman ataupun Overnight Standing Facilities (OSF), BDCB Islamic Bills (I-Bills), dan Sukuk, yang memainkan peranan penting dalam pengurusan kecairan dan kestabilan kewangan.

OSF digunakan sebagai alat pengurusan kecairan yang penting, yang menawarkan Kemudahan Pembiayaan dan Penerimaan yang patuh Syariah, serta Kemudahan Pinjaman dan Deposit konvensional. Kemudahan ini membolehkan bank-bank untuk meminjam atau meletakkan Dolar Brunei yang berlebihan dengan BDCB secara semalaman.

Pada separuh pertama tahun 2024, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC) menyelaraskan kadar OSF, dengan meningkatkan Kadar Deposit Semalaman sebanyak 150 mata asas, kepada 3.00%, sementara Kadar Pinjaman dikekalkan pada 4.00%. Walau bagaimanapun, sebagai tindak balas terhadap keadaan ekonomi dan pasaran global yang semakin berkembang, FMSC melaksanakan pemotongan kadar bermula

September 2024, dengan mengurangkan Kadar OSF sebanyak 75 mata asas. Menjelang Disember 2024, Kadar Deposit telah diturunkan kepada 2.25% dan Kadar Pinjaman dikurangkan kepada 3.25%.

Penyelarasan ini memastikan operasi monetari BDCB kekal sejajar dengan prinsip Lembaga Mata Wang di samping menggalakkan penyertaan yang lebih besar dalam aktiviti pasaran wang domestik.

Rajah 2 menunjukkan bekalan wang pada akhir bulan Disember 2024.

Meningkatkan kecairan dan pertumbuhan pasaran melalui operasi monetari strategik


BDCB kekal komited terhadap objektif bagi Teras I dan II FSBP 2016-2025:

- Kestabilan Monetari dan Kewangan
- Institusi dan Perkhidmatan Kewangan yang Berdaya Saing dan Inovatif

Selaras dengan matlamat ini, BDCB menguruskan pengeluaran Sukuk AI-Ijarah Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan melaksanakan Program BDCB I-Bills.

Inisiatif-inisiatif ini direka untuk meningkatkan pengurusan kecairan bagi institusi kewangan dengan menyediakan instrumen pelaburan yang selamat dan mudah dicairkan. Kedua-dua Sukuk AI-Ijarah Kerajaan dan BDCB I-Bills berfungsi sebagai cagaran yang layak untuk Kemudahan Pinjaman/Pembiayaan di bawah OSF, yang membolehkan institusi kewangan mengakses kecairan Dolar Brunei jika diperlukan. Tambahan lagi, program ini menyumbang kepada pembangunan keluk kadar hasil penanda aras dan selanjutnya menyokong pertumbuhan pasaran.

Sejak pelancarannya pada tahun 2006, BDCB, sebagai ejen kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah menerbitkan sebanyak 242 sukuk yang berjumlah BND17.40 bilion, dengan tempoh kematangan yang berbeza-beza iaitu tiga bulan, satu tahun, tiga tahun, lima tahun, tujuh tahun, dan sepuluh tahun.



Setakat 31 Disember 2024, jumlah tertunggak bagi Sukuk AI-Ijarah Kerajaan adalah sebanyak BND321.35 juta.

Sementara itu, sejak penubuhannya pada tahun 2020, BDCB telah mengeluarkan BDCB I-Bills berjumlah BND5.55 bilion dengan 203 terbitan. Jumlah tertunggak pula ialah BND97.00 juta setakat 31 Disember 2024.

Memandang ke hadapan, BDCB sedang mengembangkan tenor BDCB I-Bills untuk memperkenalkan tenor 4 minggu, yang melengkapinya tenor 2 minggu yang sedia ada. Pengembangan ini akan meningkatkan lagi pilihan pengurusan kecairan untuk institusi kewangan, meningkatkan fleksibiliti dalam menangani keperluan pembiayaan jangka pendek dalam persekitaran pasaran yang giat berkembang.

Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan Tahunan BDCB



BDCB menganjurkan Tinjauan Ekonomi dan Pelaburan yang ke-8 pada bulan Januari 2024 dengan tema "Living in a BANI (Brittle, Anxious, Non-Linear, and Incomprehensible) World". Acara tersebut bertujuan untuk memberikan tanggapan terhadap landskap ekonomi dan kewangan yang berkembang, menyerlahkan trend dan cabaran utama yang membentuk pasaran global dan domestik. Tinjauan ini berperanan sebagai satu platform untuk pakar berkongsi perspektif mengenai kedayatahan ekonomi, kestabilan kewangan, dan strategi pelaburan yang berkembang.

Perbincangan tertumpu kepada peralihan dunia daripada persekitaran VUCA (Volatility, Uncertainty, Complexity, and Ambiguity) kepada persekitaran yang dicirikan oleh BANI, yang dicetuskan oleh pelbagai krisis seperti perubahan iklim, pandemik COVID-19, ketidakstabilan kewangan dan ketegangan geopolitik. Para pakar meneliti kerentanan pasaran terhadap ketidakstabilan, peranan rangka kerja kawal selia dalam meningkatkan kedayatahan kewangan, dan kesan media sosial terhadap kecekapan dan kebolehamalan pasaran.

Bidang penting yang difokuskan ialah mengenai kelembapan ekonomi global dan implikasinya terhadap Negara Brunei Darussalam. Panel yang terdiri daripada wakil daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (JPES); Agensi Pelaburan Brunei (BIA); Sekolah Perdagangan dan Ekonomi, Universiti Brunei Darussalam (UBD); dan Standard Chartered Bank, telah meninjau kemunculan trend mega, termasuk kecerdasan buatan (AI), perubahan iklim, dan perkembangan geopolitik, di samping cabaran negara, seperti kebergantungan kepada minyak dan gas, saiz pasaran yang kecil, dan kebergantungan luaran. Kepelbagaian strategik dan usaha bersama pihak berkepentingan telah ditekankan sebagai faktor penting untuk memupuk kedayatahan ekonomi dan pertumbuhan mampan.

Perbincangan mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan ini memberikan pandangan bernilai kepada penggubal dasar, institusi kewangan, pemain industri, dan ahli akademik dalam mengharungi ketidakpastian dan beradaptasi dengan landskap yang kian berkembang. Perkara ini memperkukuh lagi pentingnya mengambil langkah proaktif dalam mengekalkan kestabilan kewangan dan merebut peluang untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang.



Artikel 2 – Pengukuran Inflasi dan Implikasinya terhadap Dasar Monetari: Kes bagi Negara Brunei Darussalam

Pengenalan

Inflasi Indeks Harga Pengguna (IHP) merupakan penunjuk ekonomi utama yang menggambarkan perubahan dalam kos sara hidup dan kuasa beli pengguna dari semasa ke semasa. Inflasi tinggi yang berterusan boleh menghakis pendapatan sebenar, mengurangkan permintaan domestik, dan melambatkan pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, inflasi yang terlalu rendah atau deflasi, juga boleh mengakibatkan kesan negatif, kerana pengguna mungkin menangguhkan pembelian kerana menjangkakan harga yang lebih rendah, menyebabkan aktiviti perniagaan yang lebih lemah dan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

Kompilasi IHP di Negara Brunei Darussalam

Di Negara Brunei Darussalam, data IHP dikumpul dan diterbitkan setiap bulan oleh JPES di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Bakul IHP termasuk barangan dan perkhidmatan yang diklasifikasikan kepada 11 kumpulan, mengikut Klasifikasi Penggunaan Individu Mengikut Tujuan (COICOP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kumpulan dan beratnya dalam siri semasa (tahun asas: 2015) adalah seperti berikut:

Jadual 1: Kumpulan dan berat yang digunakan dalam pengiraan IHP

Kumpulan	Berat
Makanan dan Minuman Bukan Alkohol	1,883
Pakaian dan Kasut	403
Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain	1,170
Perhiasan, Peralatan Isi Rumah dan Penyelenggaraan Rutin Isi Rumah	702
Kesihatan	91
Pengangkutan	1,961
Perhubungan	594
Rekreasi dan Kebudayaan	664
Pendidikan	696
Restoran dan Hotel	1,069
Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan	767
Jumlah	10,000

Pada lazimnya pihak JPES melakukan penetapan asas semula IHP setiap lima tahun dengan menggunakan data daripada Kaji Selidik Perbelanjaan Isi Rumah (HES) untuk memastikan pengiraan IHP tersebut menggambarkan corak penggunaan isi rumah semasa dengan tepat.

Pengiraan Indeks Akhir IHP

Pemerhatian harga dikumpul dari keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam, dan harga purata kebangsaan bagi setiap barang dikira dengan menggunakan purata wajaran aritmetik, dengan berat serantau diperoleh daripada data Banci Penduduk dan Perumahan.*

Indeks Dutot digunakan sebagai formula indeks permulaan dan membentuk asas pengiraan IHP.

Pengiraan ini diagregatkan secara progresif pada tahap yang lebih tinggi - termasuk barang, subkelas, kelas, kumpulan, dan bahagian - menggunakan wajaran yang telah ditentukan terlebih dahulu yang diperoleh daripada HES.

Inflasi di Negara Brunei Darussalam

Berbanding dengan inflasi global, harga di Negara Brunei Darussalam kekal rendah secara relatif. Dari tahun 1983 hingga 2024, purata inflasi tahunan di Negara Brunei Darussalam sebanyak 1.1%, manakala data sepanjang 20 tahun yang lalu menunjukkan purata yang lebih rendah sebanyak 0.7%.

Angka terkini menunjukkan penurunan inflasi yang ketara, daripada 3.7% pada tahun 2022 kepada 0.4% pada tahun 2023, dengan kadar inflasi purata sebanyak -0.4% pada tahun 2024. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka yang sangat bergantung kepada import, harga di Negara Brunei Darussalam lebih banyak dipengaruhi oleh faktor luaran. Kejadian seperti rantai bekalan yang tergendala semasa pandemik COVID-19 dan ketegangan geopolitik daripada konflik Rusia-Ukraine yang menyebabkan kenaikan harga makanan tertentu, mempunyai kesan ketara terhadap inflasi antara tahun 2020 hingga 2022.

Kesan Dasar Monetari Terhadap Harga Relatif

Bank pusat dan pihak berkuasa monetari menggunakan sama ada dasar monetari mengembang atau menguncup untuk mengurus turun naik ekonomi dan mencapai kestabilan harga. Bagi kebanyakan bank pusat, perkara ini bermakna mengekalkan inflasi pada kadar sasaran yang dianggap optimum untuk pertumbuhan ekonomi jangka panjang. Walaupun Negara Brunei Darussalam tidak mengamalkan dasar sasaran inflasi, subsidi kerajaan dan kawalan harga yang ditadbir ke atas barangan dan perkhidmatan terpilih telah menyumbang kepada tahap inflasi yang lebih rendah dan ketidakpastian yang berkurangan berbanding dengan ekonomi yang bergantung semata-mata pada harga pemacu pasaran.

BDCB memastikan kestabilan harga melalui pendekatan dasar monetari serempang dua mata yang terdiri daripada:

- Aturan Lembaga Mata Wang (CBA), dan
- Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA) dengan Singapura.

Dengan aturan ini, BND disandarkan kepada SGD pada kadar yang setara, yang secara berkesan mengimport dasar monetari Singapura. Sebaliknya, Monetary Authority of Singapore (MAS) mengamalkan rejim kadar tukaran terapung yang terurus, di mana secara sejarahnya Kadar Tukaran Nominal Efektif Dolar Singapura (\$SNEER) telah mengekalkan trend meningkat. Memandangkan majoriti barangan dalam bakul IHP Negara Brunei Darussalam diimport, mata wang yang lebih kukuh boleh membantu mengurangkan kesan inflasi yang diimport. Selain itu, subsidi dan kawalan harga kerajaan Negara Brunei Darussalam ke atas barangan keperluan terpilih terus menyumbang kepada inflasi yang rendah dan stabil di negara ini.

*Metodologi yang digunakan untuk mengumpul dan mengira IHP bulanan di Negara Brunei Darussalam adalah selaras dengan apa yang ditetapkan oleh Manual Indeks Harga Pengguna IMF 2020.



Memastikan Kestabilan dan Integriti Sistem Kewangan

BDCB diberi mandat untuk menyokong kestabilan dan integriti sistem kewangan Negara Brunei Darussalam dengan merumuskan dan melaksanakan peraturan di samping menyelia institusi kewangan. Melalui langkah-langkah ini, BDCB memainkan peranan penting dalam mengurangkan risiko sistemik, dengan memastikan sistem kewangan mengekalkan kedayatahannya terhadap sebarang kejutan dan gangguan.

Perkembangan Pengawalseliaan

Memperkuhkan rangka kerja pengawalseliaan berhemat bagi sektor kewangan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan BDCB untuk menyelaraskan dengan rangka kerja kecairan Basel III, Notis Penyelenggaraan Nisbah Perlindungan Kecairan ataupun Liquidity Coverage Ratio (LCR) telah dikeluarkan kepada industri perbankan pada Disember 2024. Notis ini bertujuan untuk meningkatkan kedayatahahan jangka pendek profil risiko kecairan bank. Rangka kerja ini menetapkan keperluan laporan mandatori berkuat kuasa 1 Julai 2025 dan keperluan pematuhan untuk memenuhi LCR minima berkuat kuasa 1 Januari 2026. Pada masa yang sama, perundingan industri yang pertama telah dijalankan mengenai cadangan semakan rangka kerja Had Pinjaman Tunggal ataupun Single Borrowing Limit (SBL).

Pada Mei 2024, BDCB telah mengeluarkan kertas rundingan mengenai rangka kerja Modal Berasaskan Risiko dan Kemampubayaran ataupun

Risk-Based Capital and Solvency (RBCS) untuk industri takaful dan insurans. Diperkenalkan pada tahun 2020, rangka kerja tersebut bertujuan untuk memperkuhkan kedayatahahan kewangan dengan memerlukan pengendali takaful dan syarikat insurans untuk mengekalkan peruntukan modal yang mencukupi bagi profil risiko masing-masing.

Kertas rundingan tersebut menggariskan hasil latihan tahunan RBCS dan mengumpulkan maklum balas industri mengenai penerapan spesifikasi teknikal dan templat laporan RBCS semasa, dan juga cadangan integrasi rangka kerja ke dalam proses penyeliaan BDCB. BDCB kekal komited untuk berkerjasama dengan industri tersebut bagi memastikan kelancaran peralihan dalam melaksanakan rangka kerja RBCS.

Meningkatkan kompetensi untuk pasaran modal yang lebih kukuh

Pada November 2024, BDCB mengedarkan Notis Draf Pendedahan yang Dikemas Kini mengenai Pemeriksaan Pelesenan kepada industri yang menggabungkan maklum balas daripada draf pendedahan pertama yang dikeluarkan pada tahun 2023. Draf yang dikemas kini tersebut menapis lagi cadangan pengenalan Modul Aturan dan Peraturan sebagai komponen mandatori dalam pemeriksaan pelesenan bagi pemohon Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL), di samping Modul Pengetahuan dan Analisis Produk yang sedia ada.



Sepanjang tahun tersebut, BDCB menjalankan pusingan kedua perundingan industri untuk mengumpulkan maklum balas tambahan bagi memastikan bahawa pindaan tersebut sejajar dengan objektif peraturan dan keperluan industri. Maklum balas tersebut kini sedang disemak dan akan digunakan untuk membuat pindaan terakhir, yang dirancang akan dikeluarkan pada tahun 2025.

Meningkatkan kedayatahan dan keselamatan sistem institusi kewangan
BDCB secara aktif menjalankan penilaian sendiri terhadap piawaian teknologi maklumat (IT) global, termasuk Objektif Kawalan Untuk Teknologi Maklumat Berkaitan (COBIT 2019), Center for Internet Security (CIS) Critical Security Controls (CSC) dan Information Technology Infrastructure Library (ITIL).

Penilaian ini memastikan bahawa notis dan garis panduan BDCB kekal sejajar dengan kemajuan teknologi di samping secara proaktif menangani risiko yang muncul untuk memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada.

Ke arah memastikan kedayatahan dan keselamatan sistem IT institusi kewangan untuk melindungi akses awam kepada perkhidmatan digital kritikal, Notis Pengesanan Awal Pencerobohan Siber dan Laporan Insiden yang dipinda telah dikeluarkan pada Januari 2024. Ini memerlukan institusi kewangan untuk mengekalkan 99.95% tempoh berfungsi bagi sistem kritikal bagi memastikan urusan niaga dalam talian dan akses kepada perkhidmatan sentiasa lancar, walaupun pada waktu puncak. Sebarang insiden IT yang utama dipantau dengan rapi untuk mengelakkan gangguan berantai di seluruh institusi.

Selaras dengan ini, dua nasihat telah dikeluarkan pada tahun 2024, yang menggesa institusi

kewangan untuk sentiasa berjaga-jaga terhadap potensi serangan siber semasa tempoh berisiko tinggi, seperti cuti akhir tahun. Institusi kewangan juga dinasihatkan untuk mengelakkan penyelenggaraan IT semasa waktu sibuk, seperti minggu penerimaan gaji, untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan dan mengekalkan keyakinan pelanggan.

Selain itu, pada Oktober 2024, Garis Panduan mengenai Pengurusan Risiko Teknologi untuk Perniagaan Menukar Wang dan Pengiriman Wang serta Pajak Gadai telah diperkenalkan untuk menangani risiko teknologi dan meningkatkan perlindungan pengguna melalui keselamatan data yang lebih kukuh dan pengurusan sistem yang diperkukuh.


Menggalakkan inovasi dalam perkhidmatan kewangan

Untuk menggalakkan inovasi dan pertumbuhan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam, kriteria pelesenan pengiriman wang telah diperhalusi pada bulan September 2024 untuk hanya membenarkan syarikat yang menggunakan penyelesaian berasaskan teknologi memohon lesen perniagaan pengiriman wang.

Penambahbaikan ini bertujuan untuk memupuk penggunaan teknologi digital, mewujudkan persekitaran yang lebih kompetitif untuk industri pengiriman wang, dan menggalakkan inovasi selaras dengan Pelan Hala Tuju Pembayaran Digital (2019-2025) dan Wawasan 2035.

Menjalin hubungan erat dengan pihak berkepentingan

BDCB berinteraksi dengan industri kewangan secara aktif melalui mesyuarat berkala dan saluran tidak formal untuk memupuk kerjasama dan dialog terbuka. Keterlibatan ini berperanan sebagai platform untuk berkongsi maklumat terkini, bertukar pandangan dan menangani cabaran dalam landskap kewangan yang giat berkembang.



Dengan mengekalkan hubungan yang kukuh dan menyelaraskan keutamaan strategik, perbincangan ini boleh menyumbang kepada kemajuan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, selaras dengan Wawasan 2035.

Menjalin hubungan erat dengan pihak berkepentingan

BDCB berinteraksi dengan industri kewangan secara aktif melalui mesyuarat berkala dan saluran tidak formal untuk memupuk kerjasama dan dialog terbuka. Keterlibatan ini berperanan sebagai platform untuk berkongsi maklumat terkini, bertukar pandangan dan menangani cabaran dalam landskap kewangan yang giat berkembang. Dengan mengekalkan hubungan yang kukuh dan menyelaraskan keutamaan strategik, perbincangan ini boleh menyumbang kepada kemajuan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam, selaras dengan Wawasan 2035.

Memandang ke hadapan

BDCB kekal komited untuk memperkukuh sektor kewangan Negara Brunei Darussalam melalui penambahbaikan pengawalseliaan yang komprehensif dan inisiatif yang disasarkan. Keutamaan penting termasuk memperhalus rangka kerja pengawalseliaan agar sejajar dengan piawaian antarabangsa, meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti industri untuk memupuk sektor yang lebih profesional dan berdaya tahan, menggalakkan amalan tadbir urus yang teguh untuk memperkukuh integriti kewangan, dan meneliti peraturan yang sedia ada serta membangunkan peraturan baharu untuk menyokong sektor kewangan yang lebih pelbagai dan berdaya saing, termasuk pasaran bon dan sukuk.

Melalui langkah-langkah ini, BDCB bertujuan untuk memastikan kedayatahan sistem kewangan yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan membina keyakinan terhadap sektor tersebut.

Menyelia Institusi Kewangan

Memastikan pematuhan dan tadbir urus melalui pemeriksaan *onsite*

BDCB menjalankan pemeriksaan onsite secara berkala ke atas institusi kewangan berlesen di Negara Brunei Darussalam, termasuk bank, syarikat kewangan, pengendali takaful/syarikat insurans dan ejen, pengantara pasaran modal, dan perniagaan perkhidmatan wang. Pemeriksaan ini mengikut rangka kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko (RBS) untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan, dan melindungi kepentingan pelanggan serta kemampuan institusi kewangan untuk memenuhi obligasi kewangan jangka panjang.

Pada tahun 2024, BDCB menjalankan pemeriksaan onsite ke atas 53 buah institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam, dengan memberikan tumpuan kepada beberapa bidang, termasuk rangka kerja tadbir urus dan kawalan dalaman, pengurusan risiko, kukuhan kewangan, tata cara pasaran, pematuhan Syariah, dan risiko teknologi. Pelbagai bahagian daripada BDCB terlibat sama dalam menjalankan pemeriksaan tersebut untuk memberikan penilaian komprehensif dan holistik terhadap proses dan amalan institusi kewangan. Pemeriksaan ini dirancang berdasarkan penilaian risiko, pemantauan, dan keutamaan pengawalseliaan, dengan fokus **tambahan pada pemeriksaan tematik atau 'atas sebab tertentu' jika diperlukan. Sebelum** menjalankan pemeriksaan, BDCB menyemak laporan kewangan, berinteraksi dengan juruaudit luar, dan mengenal pasti aktiviti penting dan bidang utama yang menjadi kebimbangan.

Selepas pemeriksaan dijalankan, surat penyeliaan dikeluarkan yang menggariskan penemuan dan cadangan, serta memerlukan institusi kewangan tersebut melaksanakan pelan tindakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

BDCB memantau pelaksanaan pelan tindakan ini dengan teliti untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap piawaian pengawalseliaan. Pada tahun 2024, BDCB telah mengeluarkan dua

surat penyeliaan, satu surat tidak pembaharuan, dan empat surat kompaun, dengan jumlah keseluruhan kompaun sebanyak BND43,000.

Langkah-langkah ini bukan sahaja mengukuhkan pematuhan dan tadbir urus tetapi juga

menggalakkan pemahaman yang jelas tentang jangkaan pengawalseliaan dan amalan terbaik antarabangsa bagi pengurusan risiko di institusi kewangan.

Muzakarah Syariah Kewangan Islam 2024




Dengan bertemakan “The Way Forward for Syariah in Islamic Finance in Brunei Darussalam”, BDCB telah menganjurkan Muzakarah pada September 2024. Acara ini merupakan satu platform perbincangan dan perkongsian ilmu dalam kalangan pihak BDCB, Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS), Lembaga Penasihat Syariah, dan institusi-institusi kewangan Islam. Para peserta menerokai perkembangan terkini

dalam kewangan Islam, termasuk isu dan cabaran dalam menegakkan pematuhan Syariah dalam operasi perniagaan harian institusi kewangan Islam.

Antara lain, peranan kritikal Badan Penasihat Syariah dan fungsi kawalan Syariah dalam institusi kewangan Islam ditekankan untuk memastikan pematuhan Syariah yang kukuh dalam proses kelulusan produk dan perkhidmatannya dan juga dalam operasi perniagaan harian mereka melalui pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah yang teguh.

Beberapa sesi dan perbincangan telah diadakan yang melibatkan penasihat dan pegawai Syariah dari LPKS, BDCB, dan institusi kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam. Antara isu penting yang dibangkitkan ialah cabaran yang dihadapi oleh institusi kewangan Islam dalam melaksanakan pematuhan Syariah dan strategi yang digunakan untuk mengatasi cabaran tersebut. Muzakarah ini turut berkongsi perjalanan kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam dan peluang yang boleh diterokai untuk terus memajukan lagi industri ini dengan lebih lanjut.

Muzakarah diakhiri dengan pembentangan draf resolusi yang meringkaskan beberapa perkara penting daripada pembentangan dan perbincangan tersebut. Resolusi ini berfungsi sebagai asas rujukan dan tindakan pihak berkepentingan, khususnya penasihat dan pegawai Syariah, dalam menangani cabaran pematuhan Syariah yang dibangkitkan dan isu kontemporari lain dalam kewangan Islam.



Pengawasan berasaskan data untuk ekosistem kewangan yang kukuh

Di samping itu, BDCB juga menjalankan pengawasan secara berterusan untuk memastikan kestabilan kewangan dan pematuhan peraturan di seluruh sektor kewangan. Ini melibatkan pemantauan dan analisis berterusan terhadap prestasi kewangan, amalan operasi, dan risiko yang muncul. Dengan menyemak penunjuk utama kewangan dan laporan pengawalseliaan secara berkala, BDCB memperoleh pandangan yang bernilai mengenai prestasi institusi dan potensi risiko. Penyelia menilai risiko ini secara berkala untuk menentukan sama ada institusi kewangan mempunyai kawalan dalaman dan langkah-langkah mitigasi yang mencukupi. Pendekatan berasaskan data ini membolehkan penilaian yang komprehensif dan berasaskan risiko, yang boleh menyokong dalam membuat keputusan secara bermaklumat dan menyediakan tindakan intervensi tepat pada masanya.

Pengawasan juga membolehkan BDCB menilai pematuhan institusi terhadap piawaian pengawalseliaan, memupuk peningkatan berterusan dan keselarasan dengan amalan terbaik antarabangsa. Usaha ini menggalakkan akauntabiliti, profesionalisme, dan kestabilan kewangan jangka panjang, yang menyumbang kepada ekosistem kewangan yang berdaya tahan dan boleh dipercayai.

BDCB juga secara aktif menjalankan pemantauan media untuk mengawasi isu-isu dan trend berkaitan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam. Pendekatan proaktif ini membantu:

- mengenal pasti potensi risiko dan kebimbangan yang memberikan kesan kepada pengguna kewangan;
- menilai cara institusi kewangan mengendalikan aduan dan isu pengguna; dan
- menangani jurang bagi perlindungan pengguna dan meningkatkan respons pengawalseliaan.

Pada tahun 2024, pemantauan media mengenal pasti kebimbangan orang ramai yang berkaitan dengan kualiti perkhidmatan institusi kewangan,

serta penawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang tidak berlesen. Sebagai respons, BDCB telah mengambil tindakan tegas, termasuk mengesahkan dakwaan tersebut, menambah entiti yang tidak berlesen ke dalam BDCB Alert List, dan berkongsi maklumat yang relevan dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Memperkuh pengurusan krisis dan kesiapsiagaan untuk kestabilan kewangan

Fungsi BDCB sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan untuk perkhidmatan kewangan dan pemberi pinjaman pilihan terakhir kepada bank-bank berdaya maju yang menghadapi tekanan kewangan menegaskan keperluan untuk bersedia menguruskan potensi krisis kewangan, khususnya, dengan melaksanakan rangka kerja pemulihan dan penyelesaian yang kukuh bagi institusi kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Ke arah ini, BDCB telah memperkuh tadbir urus pengurusan krisis dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan Pengurusan Krisis untuk mengawasi keupayaan dan kesiapsiagaannya dalam menguruskan krisis kewangan. Di samping itu, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan dan Monetari (FMSC) telah memperluas skopnya untuk merangkumi fungsi pengurusan krisis dan memperluas komposisinya dengan memasukkan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Perlindungan Deposit Brunei Darussalam (BDPC).

Pada bulan Oktober 2024, BDCB mengadakan lawatan ke Hong Kong Monetary Authority (HKMA) untuk mendapatkan gambaran mengenai rangka kerja penyelesaian, struktur tadbir urus, dan pengurusan krisis. Perbincangan yang diadakan merangkumi pendekatan HKMA untuk penyelesaian institusi kewangan dan penyelarasannya dengan entiti berkaitan yang mengawasi perlindungan deposit. Lawatan itu juga meneroka strategi HKMA bagi pengurusan krisis dan penguatkuasaan pengawalseliaan, yang memberi nilai kepada BDCB untuk terus memperkuh langkah-langkah kestabilan kewangannya selaras dengan amalan terbaik antarabangsa.

Melindungi pengguna, memelihara kepercayaan

BDCB memainkan peranan penting dalam melindungi pengguna dengan menangani aduan dan pertanyaan orang ramai, menjaga kepentingan mereka, dan memastikan institusi kewangan dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka.

Pada tahun 2024, BDCB menerima 181 aduan dan 131 pertanyaan, di mana 95% daripadanya telah berjaya diselesaikan. Sebahagian besar aduan dan pertanyaan berkaitan dengan penipuan, mencerminkan kepentingan menangani risiko yang semakin berkembang akibat ancaman digital dan kelemahan dalam ekonomi. BDCB juga bekerjasama rapat dengan institusi kewangan dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menyelesaikan aduan berhubung dengan produk dan perkhidmatan kewangan, dan juga laporan kredit.

Melalui pemantauan dan penyelesaian yang aktif terhadap kebimbangan pengguna, BDCB memastikan bahawa institusi kewangan mematuhi keperluan pengawalseliaan dan menangani isu perlindungan pengguna dengan berkesan. Ini memperteguh keyakinan pengguna, memperkukuh kedayatahan sistem kewangan, dan memelihara kebolehpercayaan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam.

Rajah 3: Statistik utama berkaitan perlindungan pengguna kewangan 2024

181 aduan dan 131 pertanyaan diterima – 95% telah berjaya ditutup

49 entiti dimasukkan dalam BDCB Alert List




Sebanyak 49 entiti baharu telah disenaraikan dalam BDCB Alert List pada tahun 2024, menjadikan jumlah keseluruhan 274 sejak tahun 2016. Entiti-entiti ini dikenal pasti terlibat dalam aktiviti yang mencurigakan atau tidak berlesen, termasuk skim pelaburan palsu, perkhidmatan pinjaman dan pengiriman wang yang tidak berlesen, serta amalan kewangan lain yang tidak beretika.

BDCB Alert List berfungsi sebagai sumber penting kepada orang ramai bagi membantu mereka mengenal pasti individu dan syarikat yang mungkin dianggap sebagai berlesen atau dikawal selia oleh BDCB. Inisiatif ini melindungi orang ramai daripada penipuan kewangan dengan memberikan amaran yang jelas terhadap potensi risiko.



Alert List BDCB boleh didapati di laman web BDCB

BDCB juga memastikan integriti penyelesaian pertikaian berkaitan BDCB Alert List dengan menyemak permohonan dan hanya menangani kes yang disokong oleh bukti yang mencukupi. Usaha berterusan ini menggariskan komitmen BDCB untuk memupuk persekitaran kewangan yang selamat dan mempromosikan kepercayaan orang ramai dalam sektor kewangan negara.



Pembangunan keupayaan bersama SEACEN

Pada suku pertama tahun 2024, BDCB menerima sokongan teknikal dari Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN untuk meningkatkan rangka kerja pengawasan berasaskan risiko bagi Perkhidmatan Pembayaran serta Budaya dan Kelakuan. Inisiatif ini memberikan pandangan yang berharga mengenai amalan terbaik bagi pendekatan pengawasan bank-bank pusat lain di rantau ini, yang menyediakan asas bagi penggubalan rangka kerja pengawasan yang komprehensif selaras dengan piawaian antarabangsa.

Memandang ke hadapan

Untuk meningkatkan lagi pengawasan dan melindungi kepentingan pengguna, BDCB sedang memajukan keupayaan pengawasannya dengan memberi tumpuan kepada pengurusan risiko, amalan pasaran, dan penguatkuasaan. Inisiatif termasuk penggubalan rangka kerja untuk menangani risiko yang timbul, seperti pengurusan risiko perusahaan dan semakan terhadap alat pemprofilan risiko yang sedia ada. Di samping itu, BDCB sedang berusaha untuk memperkukuh kedayatahan dan kesiapsiagaan sektor kewangan melalui inisiatif strategik, termasuk meningkatkan rangka kerja pengurusan krisis dan memperkemas semula protokol penyelarasan bagi kestabilan kewangan. Inisiatif strategik ini mengukuhkan lagi komitmen BDCB untuk melindungi kestabilan kewangan dan mendukung piawaian tadbir urus tertinggi.

Melindungi Sektor Kewangan Daripada Risiko ML/TF

Memperkukuh pematuhan dan pengawasan AML/CFT

Sebagai sebahagian daripada komitmen organisasi untuk memperkukuh integriti kewangan, Notis Kewajiban untuk Melaksanakan Tindakan Terhadap Individu yang Disenaraikan ataupun Notice on Obligations to Conduct Actions in Respect of Designated Persons telah dikeluarkan pada bulan Ogos 2024.


Notis ini menetapkan keperluan usaha wajar yang kukuh, saringan sekatan, pelaporan segera transaksi yang mencurigakan, dan peningkatan ketelusan melalui proses pengesahan pelanggan yang lebih ketat.

Sementara itu, pemantauan dan pengawasan onsite dan yang berterusan memastikan bahawa proses Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (AML/CFT) kekal berkesan dan sejajar dengan perkembangan terkini, melindungi sistem kewangan daripada aktiviti haram dan meningkatkan integritinya. Pada tahun 2024, BDCB menjalankan pemeriksaan AML/CFT ke atas empat buah institusi kewangan, dengan kerjasama bahagian BDCB yang lain, untuk menilai pematuhan terhadap keperluan yang ditetapkan di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah (CARO), Perintah Anti Keganasan (ATO), dan Peraturan Anti Keganasan (Pembiayaan Pengganas) (TFR).

Dua penilaian risiko sektoral telah dijalankan ke atas penyedia perkhidmatan pembayaran dan sektor insurans/takaful keluarga untuk mengenal pasti risiko dan bidang yang memerlukan penambahbaikan. Tindakan yang diambil termasuk mengeluarkan 37 surat penyeliaan kepada institusi kewangan, perundingan dengan institusi-institusi kewangan dan bukan kewangan (Designated Non-Financial Businesses and Professions – DNFBPs) berkaitan AML/CFT, pembaharuan lesen, dan semakan permohonan pegawai pematuhan di seluruh sektor. Semakan dokumen juga telah dijalankan ke atas dua syarikat pengirim wang untuk memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan daripada pemeriksaan onsite sebelumnya.

Memantau transaksi kewangan demi menjaga integriti kewangan

Unit Perisikan Kewangan (FIU), BDCB, menganalisis Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR)¹, Laporan Transaksi Tunai (CTR)², dan Mata Wang Fizikal dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga (CBNI)³ untuk mengenal



pasti aktiviti yang berpotensi menyalahi undang-undang, menilai risiko, dan sebagai panduan penyiasatan penguatkuasaan undang-undang. Laporan ini membantu FIU untuk mengesan trend, memastikan pematuhan, dan melindungi sistem kewangan.

Bekerja rapat dengan rakan sejawat domestik dan antarabangsa

BDCB secara aktif terlibat dengan pihak berkepentingan domestik dan antarabangsa untuk meningkatkan analisis perisikan dan membanteras jenayah kewangan demi melindungi sistem kewangan di kedua-dua peringkat kebangsaan dan global.

BDCB telah melaksanakan beberapa inisiatif yang memberikan tumpuan kepada pengukuhan keupayaan operasi dan memupuk kerjasama dalam kalangan agensi di bawah Jawatankuasa Kebangsaan bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Penganasan (National Anti-Money Laundering and Combating the Financing of Terrorism Committee – NAMLC) dan rakan sejawat antarabangsa, yang bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan dalam membanteras pengubahan wang haram, pembiayaan penganasan, dan pembiayaan proliferasi. Ini dilakukan melalui pelaksanaan inisiatif strategik, latihan, dan perkongsian ilmu.

Persidangan AML pertama Negara Brunei Darussalam telah berjaya diadakan pada bulan

¹Laporan Transaksi yang Mencurigakan (STR) difailkan apabila terdapat transaksi atau percubaan untuk membuat transaksi yang disyaki melibatkan jenayah berat, yang membawa penalti sekurang-kurangnya BND1,000. Ini termasuk jenayah seperti pengubahan wang haram, kesalahan predikat yang berkaitan, dan pembiayaan penganasan.

²Laporan Transaksi Tunai (CTR) difailkan bagi sebarang transaksi tunai yang berjumlah BND15,000 atau lebih, atau jumlah sebandingnya dalam mata wang asing yang diurus niaga pada hari yang sama.

³Laporan Mata Wang Fizikal dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga (CBNI) memerlukan sesiapa yang membawa BND15,000 atau lebih, atau jumlah yang sebanding dalam mata wang asing, merentasi sempadan Negara Brunei Darussalam untuk menghadapkan laporan CBNI kepada pegawai Kastam atau Imigresen di pos kawalan sempadan. Laporan ini kemudian dihadapkan untuk pendigitalan, penyimpanan, dan analisis oleh FIU, BDCB.

November 2024 dengan objektif untuk meningkatkan keupayaan penyiasatan dan penyitaan melalui perbincangan panel dan penyertaan pelbagai agensi.

Crimes Intelligence Research Group (CINRG), yang disebut sebagai “Synergy”, memainkan peranan penting dalam meningkatkan kerjasama

Rajah 4: Statistik STR, CTR, dan CBNI bagi tahun 2024

Jumlah nilai wang STR

2,604 ▲ 34.9% (berbanding 2023)

Meningkat sebanyak 34.9% berbanding tahun 2023. Peningkatan ini menunjukkan tahap kewaspadaan, sistem pelaporan yang lebih baik, dan peningkatan kesedaran terhadap risiko jenayah kewangan.

Jumlah nilai wang CTR

BND4 billion ▼ 11.1% (berbanding 2023)


Menurun sebanyak 11.1% berbanding tahun 2023. Penurunan ini mencerminkan peralihan ke arah pengurangan penggunaan wang tunai. Sebanyak 81.7% daripada CTR pada tahun 2024 adalah daripada sektor perbankan dan kiriman wang, sama dengan trend pelaporan sebelum ini.

Jumlah nilai wang CBNI

BND647.8 Juta

▲ 26.1% (berbanding 2023)

Meningkat sebanyak 26.1% berbanding tahun 2023. Kenaikan ini, bersama-sama dengan peningkatan tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan, menunjukkan peningkatan dalam pelaporan tunai rentas sempadan.



antara sektor awam dan swasta untuk membanteras jenayah kewangan di Negara Brunei Darussalam. Dengan memberi tumpuan kepada strategi bersama, CINRG memperkukuh usaha untuk mengurangkan ancaman perubahan wang haram di Negara Brunei Darussalam.

Dengan penyertaan dari agensi-agensi utama, CINRG telah mengenal pasti penipuan (fraud) sebagai ancaman jenayah kewangan teratas, dan telah menubuhkan tiga aliran kerja khusus untuk menangani isu ini:

- Pendidikan dan Kesedaran
- Pemantauan dan Pengawasan
- Tindakan dan Mendapatkan Kembali Aset

Usaha-usaha ini telah menghasilkan kemajuan yang ketara, termasuk pembangunan Papan Pemuka Penipuan (Scams Dashboard) dan Kit Alat Kesedaran (Awareness Toolkit). Mesyuarat berkala sepanjang tahun 2024 juga telah memperkukuh tindakan kolektif sekali gus memupuk kefahaman yang lebih mendalam dan strategi pencegahan penipuan (fraud) yang lebih berkesan.

Mesyuarat CINRG sedang berlangsung



Penilaian Bersama Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG)


Negara Brunei Darussalam merupakan ahli kumpulan Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG), dengan FIU sebagai Sekretariat NAMLC, berperanan sebagai titik hubungan utama. APG bertujuan untuk memastikan pelaksanaan piawaian antarabangsa Financial Action Task Force (FATF) yang berkesan untuk membanteras perubahan wang haram, pembiayaan penganasan, dan pembiayaan percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

Penilaian bersama APG ialah sistem semakan rakan sebaya yang meneliti dan menentukan tahap pematuhan sesebuah negara terhadap piawaian AML/CFT antarabangsa. Tahap pematuhan teknikal semasa bagi Negara Brunei Darussalam adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Negara Brunei Darussalam telah dinilai pada tahap Patuh atau Sebahagian Besar Patuh bagi 36 cadangan, dan tidak lagi dikehendaki mengemukakan laporan susulan berserta permintaan penilaian semula.

	Cadangan FATF	Laporan Penilaian Bersama 2023	Laporan Susulan 2024
Rec.10	Usaha Wajar Pelanggan	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh
Rec.16	Pemindahan Secara Elektronik	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh
Rec.18	Kawalan Dalam dan Cawangan Asing dan Subsidiari	Sebahagian Patuh	Patuh
Rec.19	Negara-negara Berisiko Tinggi	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh
Rec.22	Institusi-institusi Kewangan dan Bukan Kewangan (Designated Non-Financial Businesses and Professions – DNFBPs): Usaha Wajar Pelanggan	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh
Rec.26	Peraturan dan Penyeliaan bagi Institusi-institusi Kewangan	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh
Rec.27	Kuasa Penyelia	Sebahagian Patuh	Patuh
Rec.28	Peraturan dan Penyeliaan bagi DNFBPs	Sebahagian Patuh	Sebahagian Besar Patuh

Jadual 2: Tahap pematuhan teknikal semasa bagi Negara Brunei Darussalam



Memenuhi tanggungjawab sebagai Sekretariat NAMLC

NAMLC menyelaras, melaksanakan dan memantau inisiatif AML/CFT di Negara Brunei Darussalam, dengan menyediakan hala tuju strategik, menggubal dasar, menangani isu-isu operasi, bertukar maklumat, dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan untuk mengekalkan integriti dan keteguhan rejim AML/CFT negara.

Pada tahun 2024, NAMLC mengadakan mesyuarat ke-30 dan ke-31. NAMLC juga mengesahkan dan menerima perkenan daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kitaran ke-4 Pelan Strategi Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Membanteras Pembiayaan Penganasan dan Menentang Pembiayaan Percambahan Senjata Pemusnah Besar-besaran (AML/CFT/CPF). Strategi ini, yang merangkumi tempoh tahun 2024-2029, menangani cabaran dengan meningkatkan amalan, memperkenalkan dasar-dasar yang berkaitan dan memupuk keselarasan dalam kalangan agensi. Dibangunkan bersama pihak-pihak berkepentingan, strategi ini mengintegrasikan cadangan Laporan Penilaian Bersama (Mutual Evaluation Report) dan menggariskan tujuh objektif strategik dengan garis masa pelaksanaan tindakan (lihat Rajah 5).

Memandang ke hadapan

Pada tahun 2025, BDCB berhasrat untuk mengemas kini Penilaian Risiko Kebangsaan ataupun National Risk Assessment (NRA) mengenai Pengubahan Wang Haram, meningkatkan pengawasan AML/CFT melalui automasi, dan memperkukuh kerjasama dengan meningkatkan ketersediaan produk perisikan kewangan untuk kedua-dua pihak berkepentingan domestik dan antarabangsa. Inisiatif ini menegaskan komitmen BDCB untuk melindungi integriti sistem kewangan.

Rajah 5: Objektif strategik Pelan Strategi Kebangsaan bagi AML/CFT/CPF

Meningkatkan kefahaman tentang risiko ML/TF/PF untuk memastikan sistem AML/CFT/CPF diselaraskan di peringkat kebangsaan bagi mengurangkan risiko tersebut.

Memperkukuh kerjasama domestik dan antarabangsa untuk memastikan perkongsian dan pertukaran maklumat yang berkesan bagi membanteras ML/TF dan jenayah kewangan lain.

Memperkukuh pengawasan dan peraturan entiti pelaporan untuk meningkatkan pematuhan yang teguh dan berkesan terhadap keperluan AML/CFT.

Menambah baik pelaksanaan dan penguatkuasaan keperluan pemilikan benefisial dan ketelusan bagi entiti undang-undang dan pengaturan undang-undang.

Meningkatkan keberkesanan penyiasatan ML, pendakwaan, dan penyitaan.

Meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan langkah-langkah pembiayaan menentang penganasan, termasuk sekatan kewangan yang disasarkan.

Membangunkan rangka kerja undang-undang dan institusi bagi CPF untuk memastikan pelaksanaan sekatan kewangan yang disasarkan terhadap pengelakan sekatan.



Mewujudkan dan Memantau Sistem Pembayaran yang Cepak

Dalam mendukung objektifnya untuk mewujudkan dan memantau sistem pembayaran yang cepak, BDCB terus memberikan tumpuan kepada pengukuhan infrastruktur, penambahbaikan peraturan, dan pemupukan keupayaan saling beroperasi. Melalui pemantauan strategik dan kerjasama, BDCB menyokong inovasi digital sambil mengekalkan kestabilan kewangan. Usaha-usaha ini memudahkan transaksi tanpa gangguan dan meletakkan Negara Brunei Darussalam dalam kedudukan yang lebih bersedia menghadapi integrasi secara lebih meluas dalam ekonomi digital global yang kian berkembang.

Menyokong Hab Pembayaran Digital (DPH)

BDCB terus memainkan peranan penting dalam menyokong Hab Pembayaran Digital (DPH), sebuah inisiatif utama yang diterajui oleh National Digital Payments Network Sdn Bhd (ndpx). Usaha ini sejajar dengan visi Negara Brunei Darussalam ke arah ekonomi digital yang kukuh, dengan memastikan penyelesaian pembayaran yang selamat, cepak, dan moden.

Dibina atas dasar penilaian kawal selia yang telah dilaksanakan pada tahun 2023 untuk memastikan pematuhan, DPH telah berjaya diintegrasikan dengan sistem Real-Time Gross Settlement (RTGS) pada bulan Mei 2024.

Peningkatan sistem RTGS telah membolehkan penyelesaian yang lancar untuk transaksi pembayaran segera dan seterusnya, mengurangkan risiko penyelesaian dan

meningkatkan kecekapan infrastruktur pembayaran Negara Brunei Darussalam. Sepanjang tahun 2024, BDCB terus bekerjasama erat dengan ndpx, dengan menyediakan panduan kawal selia, memantau kemajuan, dan menangani cabaran yang memuncul.


Memajukan Inovasi sambil memastikan pematuhan terhadap pengawalseliaan

BDCB kekal komited untuk memupuk ekosistem pembayaran yang selamat, boleh dipercayai, dan inovatif sambil memastikan piawaian perlindungan pengguna yang kukuh.

Pada tahun 2024, BDCB meluluskan permohonan Mobbilityone (B) Sdn Bhd untuk mengendalikan sistem pembayaran. Di samping itu, BDCB membenarkan dua perkhidmatan e-dompet yang disediakan oleh Datastream Digital Sdn Bhd melalui 'DST SuperApp' dan Progresif Sdn Bhd melalui 'Ding!', setelah memastikan mereka memenuhi semua keperluan pengawalseliaan sebelum pelancaran pasaran. Berikutan pelancaran tersebut, BDCB terus mengadakan sesi dialog dengan institusi-institusi ini bagi mendapatkan pandangan yang berharga mengenai perkembangan dan cabaran yang dihadapi.

Memperkuh kerjasama serantau dalam sistem pembayaran

Pada bulan Februari 2024, BDCB menegaskan semula komitmennya untuk memajukan keterhubungan pembayaran serantau dengan menandatangani Memorandum Persefahaman



(MoU) mengenai Kerjasama dalam Keterhubungan Pembayaran Serantau (RPC). Inisiatif ini memberikan tumpuan kepada peningkatan perdagangan, pelaburan, dan aktiviti ekonomi rentas sempadan dalam ASEAN, melalui sistem pembayaran yang lebih pantas, lebih telus, dan inklusif seperti kaedah pembayaran berasaskan kod QR dan pembayaran segera. Dengan sembilan buah bank pusat ASEAN kini menjadi penandatangan, MoU tersebut menegaskan dedikasi BDCB dalam memupuk kerjasama yang lebih erat di rantau ini.

Selanjutnya, sebagai pengerusi bersama bagi Jawatankuasa Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (WC-PSS) tahun 2024-2026, BDCB dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah berjaya menganjurkan Mesyuarat WC-PSS ke-29 pada bulan Ogos 2024 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk mengukuhkan sistem pembayaran ASEAN, dengan 17 pautan rentas sempadan sedia ada dan matlamat untuk menggandakan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan menjelang tahun 2025.

Tumpuan utama termasuk meningkatkan rangkuman kewangan, terutamanya bagi golongan yang kurang mendapat perhatian seperti perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS), dan menambah baik rangka kerja pengawalseliaan untuk menyokong pembayaran rentas sempadan yang lancar. Mesyuarat itu juga berfungsi sebagai platform untuk membincangkan cabaran, seperti meningkatkan kesedaran pelanggan, meningkatkan penyertaan institusi kewangan, dan menangani isu-isu keselamatan. Mesyuarat tersebut mengukuhkan

komitmen ahli-ahli terhadap kerjasama serantau dan perkongsian antarabangsa untuk mencapai ekosistem pembayaran ASEAN yang lebih saling terhubung dan inklusif.

Menanda aras amalan terbaik dalam sistem pembayaran dan penyelesaian

Untuk mengukuhkan sistem pembayaran dan penyelesaiannya, BDCB telah mengadakan lawatan ke beberapa bank pusat serantau, iaitu Banko Sentral ng Pilipinas (BSP), BNM, dan Bank of Thailand (BOT). Lawatan-lawatan ini memberikan pandangan yang berharga mengenai pembangunan dan peningkatan sistem RTGS terkini, operasi depositori sekuriti pusat, dan infrastruktur sokongan, dengan memberikan tumpuan kepada penambahbaikan prestasi sistem, kebolehpercayaan, dan pengurusan risiko.

Lawatan ke BOT juga diadakan untuk mengkaji rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliannya bagi sistem pembayaran dan pengendali. Lawatan ini memberikan tumpuan kepada peningkatan rangka kerja pengawalseliaan dan keupayaan penyeliaan BDCB, terutamanya pada Sistem Pembayaran Pantas ataupun Fast Payment Systems (FPS) dan pemantauan rangkaian kad. Ini memberikan pandangan yang berharga mengenai strategi BOT untuk menangani trend semasa, pencegahan penipuan, pengurangan risiko, memastikan pematuhan dan perlindungan pengguna, dan memperkukuh langkah-langkah keselamatan siber. Cabaran penyeliaan dan amalan terbaik antarabangsa turut dibincangkan.



Mesyuarat WC-PSS Kali ke-29 pada Ogos 2024





Memandang ke hadapan

Pada tahun 2025, BDCB akan memajukan ekosistem pembayaran Negara Brunei Darussalam melalui peningkatan pengawalseliaan dan rangka kerja strategik. Perundingan industri akan dilaksanakan mengenai cadangan undang-undang baharu berkaitan perkhidmatan pembayaran yang bertujuan untuk meningkatkan kejelasan pengawalseliaan, memastikan kestabilan kewangan, dan memperkukuh perlindungan pengguna. Di samping itu, Rangka Kerja Penetapan Sistem Pembayaran dijangka akan diperkenalkan, yang akan memperluas undang-undang semasa dan akan memantau infrastruktur pembayaran kritikal, termasuk RTGS, ACH, dan DPH, bagi memastikan kedayatahan dan keselarasan dengan piawaian antarabangsa.

BDCB akan memperkenalkan Notis mengenai Standard Kod QR Kebangsaan, yang bertujuan untuk mewujudkan sistem pembayaran QR yang seragam di seluruh institusi kewangan. Ini akan meningkatkan kebolehoperasian dan keselamatan, melancarkan transaksi digital, dan menyokong pembayaran rentas sempadan pada masa hadapan, sekali gus mempercepat peralihan Negara Brunei Darussalam ke arah ekosistem pembayaran digital yang lancar.

Dengan penamatan Peta Hala Tuju Pembayaran Digital yang pertama pada tahun 2025, BDCB akan membangunkan Peta Hala Tuju Pembayaran Digital 2.0 bagi memacu penggunaan digital, kerjasama, dan pengurusan risiko selaras dengan keutamaan negara, seperti Pelan Induk Ekonomi Digital dan Rangka Tindakan Ekonomi Negara Brunei Darussalam. Selanjutnya, BDCB akan menaik taraf piawaian mesej ISO 20022 bagi sistem RTGS, meningkatkan keserasian dengan sistem kewangan global, dan menambah baik kecekapan pembayaran rentas sempadan, sekali gus memastikan Negara Brunei Darussalam kekal berdaya saing dalam ekonomi digital semasa.



Membangunkan Sektor Perkhidmatan Kewangan yang Kukuh dan Progresif


BDCB berdedikasi untuk memupuk sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kedayatahan negara. Dengan memperkukuh infrastruktur kewangan, mempromosikan inovasi, dan meningkatkan kebolehaksesan, BDCB berhasrat untuk mewujudkan ekosistem yang dinamik dan inklusif. Melalui inisiatif strategik, BDCB menyokong sektor kewangan yang berdaya saing dan berfungsi dengan baik, yang memenuhi keperluan yang sentiasa berkembang sambil memastikan kestabilan jangka panjang.

Mempromosikan kewangan Islam melalui pengetahuan dan ketelusan BDCB, dengan kerjasama UNISSA, telah berjaya menganjurkan Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Symposium bagi julng kalinya pada Jun 2024. Bertemakan "Peranan Kewangan Islam sebagai Pemangkin Pertumbuhan Ekonomi dan Kemakmuran Bersama", simposium ini menyetengahkan kertas kerja terbaik daripada kategori pelajar dan profesional bagi BDIF Call for Papers (CFP) BDIF 2023. Acara ini menyediakan platform yang berharga untuk rangkaian kerjasama dengan menghimpunkan pegawai kerajaan, pemain industri kewangan, ahli akademik, dan pelajar untuk bertukar idea serta memupuk kerjasama.

Berdasarkan kejayaan ini, CFP BDIF kedua dilancarkan pada bulan September 2024, bertemakan "Menelusuri Sempadan Digital Dalam Kewangan Islam". Inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan perbincangan yang mendalam mengenai trend semasa dalam kewangan Islam, menggalakkan usaha penyelidikan yang lebih meluas dan memperluas penerbitan artikel yang berkaitan dengan kewangan Islam yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam.



Simposium BDIF



Laporan Islamic Finance Development Indicator (IFDI)

Negara Brunei Darussalam menduduki tempat ke-13 daripada 136 buah negara di seluruh dunia dalam Islamic Finance Development Report 2024: From Niche to Norm, yang diterbitkan oleh London Stock Exchange Group (LSEG). Negara ini mencapai skor 29 mata dalam Penunjuk Pembangunan Kewangan Islam (IFDI) - peningkatan daripada 26 mata pada tahun sebelumnya. Ini mencerminkan kemajuan berterusan industri kewangan Islam domestik di mana Negara Brunei Darussalam berjaya meraih semula tempat ke-15 teratas.

Kedudukan Negara
Brunei Darussalam pada
tahun 2024
#13
(daripada 136 buah negara)

BDCB tetap teguh dalam misinya untuk meletakkan Negara Brunei Darussalam sebagai hab kewangan Islam antarabangsa yang terkemuka. Sebagai sebahagian daripada komitmen ini, BDCB secara aktif meningkatkan inisiatif strategiknya dengan memupuk kerjasama dengan pihak berkepentingan utama, terutamanya institusi-institusi kewangan Islam. Melalui sesi pemberitaan yang berkesan dan latihan pelaporan data yang teguh, BDCB memastikan pemahaman bersama tentang kemajuan negara sambil mengumpulkan pandangan yang bernilai. Usaha-usaha ini memacu kerjasama yang bermakna dan memastikan kerelevanan data, mengukuhkan asas bagi pertumbuhan, dan kemajuan yang mampan bagi industri kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Dalam mempromosikan ketelusan dan keyakinan orang ramai terhadap kewangan Islam, BDCB telah menerbitkan senarai ulama Syariah yang diiktiraf dan pakar kewangan Islam di Negara Brunei Darussalam, serta kompilasi penyelesaian Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS). Usaha-usaha ini meningkatkan kesedaran, menyediakan panduan Syariah untuk institusi-institusi kewangan Islam, dan menyokong pertumbuhan ekosistem kewangan Islam yang mantap di Negara Brunei Darussalam.

Untuk terus menyokong pertumbuhan dan profesionalisme sektor kewangan Islam yang berterusan, BDCB akan mengadakan rundingan industri mengenai Rangka Kerja Kompetensi bagi Penasihat Syariah yang akan diterbitkan pada tahun 2026. Rangka kerja ini akan menyediakan panduan kepada institusi-institusi kewangan Islam dalam menilai dan melatih Penasihat Syariah mereka, sejajar dengan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah (Syariah Governance Framework).

Membentuk masa depan FinTech di Negara Brunei Darussalam

BDCB telah menunjukkan satu pencapaian penting melalui pelancaran rasmi Pusat Inovasi FinTech, Mekar, pada bulan November 2024 yang merupakan satu inisiatif utama untuk mempromosikan kerjasama dan inovasi dalam sektor FinTech yang berkembang di Negara Brunei Darussalam. Mekar berfungsi sebagai platform untuk pihak berkepentingan berinteraksi, berkongsi idea, dan menggalakkan dialog pengawalseliaan. Dengan merapatkan jurang antara inovator dan pengawal selia, persekitaran di mana penyelesaian FinTech boleh berkembang boleh dipupuk untuk memastikan masa depan yang seimbang antara pertumbuhan dan kestabilan.

Untuk terus menyokong perkembangan FinTech, BDCB telah membuat pindaan ke atas rangka kerja FinTech Regulatory Sandbox pada bulan Jun 2024 untuk memberikan lebih kejelasan mengenai proses untuk masuk dan keluar sandbox, memastikan bahawa inovasi baharu boleh diuji dalam persekitaran terkawal sebelum diperkenalkan dengan selamat kepada pasaran terbuka.



Satu kisah kejayaan daripada FinTech Regulatory Sandbox ialah MoneyMatch Brunei (MMB Transfer Sdn. Bhd.). Selepas menguji perkhidmatan kiriman wang digital dan pengenalan pelanggan yang tidak bersemuka, MMB berjaya menunjukkan kebolehlaksanaan penyelesaiannya dalam pasaran, menekankan kesan positif sandbox dalam memupuk inovasi. Berikutan dengan pengenalan kriteria pelesenan BDCB bagi syarikat kiriman wang digital dan pengenalan pelanggan digital, MMB telah diberikan lesen kiriman wang oleh BDCB pada bulan Ogos 2024.

Selain rangka kerja pengawalseliaan, BDCB terus melibatkan diri dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk menggalakkan pertumbuhan FinTech. Sesi perkongsian pengetahuan Mekar 101 telah diperkenalkan untuk menyediakan panduan pengawalseliaan kritikal kepada syarikat yang baru ditubuhkan untuk membantu mereka di peringkat awal pembangunan. BDCB juga mengalu-alukan pihak berkepentingan domestik dan antarabangsa untuk ke Mekar, yang diharap akan meningkatkan peranannya dalam menggalakkan kesedaran dan kerjasama dalam ekosistem FinTech yang dinamik.

Memandang ke hadapan, BDCB akan terus menyokong penubuhan Persatuan FinTech Brunei (FinTechBN). Inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta ini akan menyatukan pihak berkepentingan utama FinTech, mewujudkan platform kerjasama untuk memajukan sektor tersebut, menggalakkan inovasi serta memperkukuh kedudukan Negara

Brunei Darussalam sebagai peneraju FinTech. FinTechBN akan memupuk penyelarasan dan persepaduan untuk membimbing perkembangan dan pengawalseliaan FinTech di negara ini.

Memajukan kewangan mampan bagi pertumbuhan jangka panjang

Selaras dengan tumpuan global yang kian meningkat terhadap kelestarian, BDCB telah membuat pindaan ke atas Garis Panduan bagi Penerbitan Debentur (Guidelines on the Issuance of Debentures) untuk menerima pakai Piawaian Bon Berkaitan Kelestarian ASEAN ataupun ASEAN Sustainability-Linked Bonds Standards (ASEAN SLBS) bagi penerbitan Bon Berkaitan Kelestarian (Sustainability-Linked Bonds) ASEAN di Negara Brunei Darussalam. Ini bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan yang lestari ke dalam negara ini.

Dengan menerima pakai piawaian ini, BDCB juga berusaha untuk memupuk rasa tanggungjawab yang lebih dalam terhadap alam sekitar dan sosial dalam kalangan pelabur dan pengeluar. Pindaan ini juga mencerminkan komitmen Negara Brunei Darussalam terhadap inisiatif kelestarian serantau, khususnya di bawah Forum Pasaran Modal ASEAN ataupun ASEAN Capital Markets Forum (ACMF). Langkah ini telah meningkatkan pasaran modal negara dengan menggalakkan amalan pelaburan yang bertanggungjawab di samping menyumbang kepada matlamat meluas serantau bagi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang mampan dan lestari.




Pelancaran Rasmi Pusat Inovasi FinTech Mekar

Memandang ke hadapan, BDCB akan menerbitkan Pelan Hala Tuju Kewangan Lestari ataupun Sustainable Finance Roadmap (SFR) yang antarlainnya bertujuan untuk membimbing sektor kewangan ke arah menerima pakai amalan lestari, menguruskan risiko yang berkaitan dengan kelestarian, dan memupuk inovasi. Berikutan ini, aktiviti pemberiagan dan program peningkatan keupayaan tenaga kerja akan diadakan untuk meningkatkan kesedaran dan melengkapkan pihak berkepentingan dengan pengetahuan dan alat untuk menjayakan cadangan strategik SFR serta memastikan matlamat kelestarian jangka panjang.

Membina keupayaan bagi pinjaman yang selamat dan penilaian kredit yang lebih baik
Untuk mempromosikan penggunaan aset alih sebagai cagaran dan pembiayaan alternatif, serta meningkatkan akses untuk kredit bagi PMKS dalam usaha menyokong pertumbuhan ekonomi Negara Brunei Darussalam, BDCB, dengan kerjasama International Law Institute, telah mengadakan sesi meningkatkan keupayaan mengenai transaksi bercagar. Sesi ini melengkapkan pihak berkepentingan, termasuk institusi-institusi kewangan, perniagaan, dan pengawal selia, dengan alat pinjaman/pembiayaan yang selamat dan pengurusan risiko kewangan.

Selain itu, BDCB telah mengadakan Program Latihan Modular untuk meningkatkan pengetahuan mengenai laporan kredit dan pendaftaran cagaran. Program yang direka khas untuk para pendatang baharu dan para profesional bertujuan untuk memberikan pemahaman penting mengenai pengurusan risiko kredit. Tahap 1 merangkumi konsep asas seperti proses penghantaran data dan pelaporan kredit, manakala Tahap 2 memberikan tumpuan kepada penilaian kredit dan pengambilan keputusan.

Memandang ke hadapan, BDCB merancang untuk melancarkan Credit Wisdom, iaitu sebuah buku sumber yang mengandungi maklumat tentang pengurusan kredit yang berkesan, disesuaikan untuk individu dan perniagaan. Buku ini mengandungi nasihat praktikal mengenai membuat pinjaman, pemberi pinjaman, pengurusan hutang, dan kelayakan kredit, yang boleh digunakan untuk membantu orang ramai membuat keputusan kewangan dengan bijak. Dengan mempromosikan tingkah laku penggunaan kredit yang



bertanggungjawab, inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan pengurusan kewangan dan memupuk amalan mampan, di samping menyelaraskan dengan amalan terbaik bagi membina kepercayaan dalam sistem kewangan serta mewujudkan persekitaran kredit yang lebih

sihat untuk individu dan perniagaan. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen BDCB untuk memupuk ketelusan, kebolehsuaian, dan keyakinan dalam amalan pemberi pinjaman, seterusnya memperkukuh infrastruktur kewangan Negara Brunei Darussalam dan memudahkan akses kewangan secara menyeluruh.

PENDAFTARAN CAGARAN



3,664 carian

▼ 5.1% dari 2023

Walaupun terdapat sedikit penurunan dalam jumlah pencarian berbanding 2023, trend secara menyeluruh meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan, mencerminkan peranan Pendaftaran Cagaran yang semakin berkembang dalam penilaian risiko kredit.

Rajah 6: Sorotan utama berkaitan infrastruktur kewangan

Tiga aset alih teratas yang didaftarkan



Kenderaan Bermotor



Cagaran Am



Sekuriti Pelaburan

BIRO KREDIT

Penghasilan Laporan Kredit

▲ 11.9%

109,645 laporan pada tahun 2024, 96.3% bagi pengguna, 3.7% bagi entiti komersial

Laporan Kredit Kendiri ataupun Self-Inquiry Report (SIR)

▼ 0.3%

3,634 laporan pada tahun 2024, 99.9% yang dihasilkan daripada permohonan secara dalam talian

Jumlah akaun yang aktif

Pengguna: ▼ 2.1%
378,498 akaun pada tahun 2024, selepas pelaksanaan latihan pembersihan data

Komersial: ▲ 9.1%
16,954 pada tahun 2024

Tiga kemudahan kredit teratas yang diminta

Pengguna:

Sewa beli (50.3%)

Pinjaman peribadi (33.6%)

Kad kredit (10.9%)

Komersial:

Sewa beli (51.7%)

Pembiayaan/Pinjaman terma (16.4%)


Kredit berputar lain (6.1%)

Taburan Skor Kredit



Secara purata, sebanyak 48.7% pemohon mempunyai skor kredit yang berisiko sangat rendah dan rendah. Terdapat peningkatan sebanyak 1.4% dalam bahagian pemohon dalam kategori Berisiko Sangat Rendah berbanding dengan tahun 2023.

*Tiada Maklumat merujuk kepada pemohon yang tidak mempunyai skor kredit yang mungkin disebabkan oleh Subjek yang baharu tanpa pembiayaan sedia ada, Subjek yang mempunyai semua kontrak yang tamat sebelum 12 bulan, atau Subjek yang tidak aktif selama 12 bulan yang lalu.



Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Rangkuman Kewangan (ASEAN Working Committee on Financial Inclusion-WC-FINC)



BDCB dan Bank of Thailand (BOT), selaku pengerusi bersama ASEAN WC-FINC bagi tahun 2024-2026, telah mempengerusikan Mesyuarat WC-FINC Ke-18 yang diadakan pada bulan Ogos 2024 di Hanoi, Vietnam.

Mesyuarat tersebut membincangkan inisiatif-inisiatif utama WC-FINC, termasuk penunjuk prestasi, kemajuan kerja jawatankuasa kecil, serta keutamaan dan pelan kerja bagi tahun 2025.

Mesyuarat tersebut juga menekankan usaha berterusan untuk memperkukuh rangkuman kewangan di ASEAN melalui kerjasama dengan para ahli, jawatankuasa kerja yang berkaitan dan kumpulan kerja. Ini disusuli dengan Perbincangan Meja Bulat OECD & ASEAN WC-FINC berkenaan Rangkuman Kewangan, Perlindungan Pengguna Kewangan, dan Celik Kewangan. Meja bulat ini membincangkan perkembangan antarabangsa dan strategi celik kewangan digital, dengan negara anggota ASEAN berkongsi kemajuan mereka dalam mempromosikan rangkuman kewangan.

Menilai keperluan kewangan untuk mempromosikan pertumbuhan inklusif BDCB mengambil pendekatan berasaskan data untuk memantau dan meningkatkan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam. Kaji selidik sisi permintaan (demand-side survey) di seluruh negara dijalankan setiap tiga tahun untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai keperluan, tingkah laku, dan pilihan pengguna berkaitan produk dan perkhidmatan kewangan. Ia bertujuan untuk mengukur akses, penggunaan, dan kualiti perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam, di samping memahami pandangan, serta trend, mengenal pasti sebarang halangan, dan seterusnya menjadi panduan bagi usaha untuk meningkatkan lagi rangkuman kewangan di masa hadapan.

Pada tahun 2024, BDCB telah menjalankan proses penaksiran dan penilaian secara meluas, yang membawa kepada pelantikan Universiti Teknologi Brunei (UTB) sebagai perunding bagi kaji selidik keterangkuman kewangan kedua (supply-side survey) yang akan dijalankan tahun hadapan. Kerjasama ini dapat memanfaatkan kepakaran UTB dalam pengumpulan dan analisis data, seterusnya memperkukuh usaha penyelidikan untuk menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti dalam rangkuman kewangan.



Mengeluarkan dan Mengurus Mata Wang Negara Brunei Darussalam

Sebagai pengeluar tunggal mata wang Negara Brunei Darussalam di bawah Perintah Mata Wang, 2004, BDCB mengamalkan pengurusan mata wang yang bertanggungjawab dan memastikan bekalan wang Negara Brunei Darussalam sentiasa stabil dan terjamin dalam sistem kewangan dengan mengawasi proses percetakan, pengilangan, dan pengedarannya. Dengan peningkatan ciri-ciri keselamatan di samping memperbaiki ketahanannya, BDCB meyakinkan orang ramai terhadap mata wang Negara Brunei Darussalam, dan mengekalkan sistem kewangan yang berdaya tahan dan boleh dipercayai bagi kestabilan kewangan jangka panjang.

Memperkuh integriti mata wang dengan *mono-ply plated steel*

Dalam usaha untuk meningkatkan kedayatahan dan kemampuan duit syiling dalam edaran, BDCB telah memperkenalkan duit syiling dengan komposisi logam baharu pada tahun 2024.

Duit syiling baharu yang menggunakan besi disaluti dengan lapisan logam ini menggantikan bahan homogenous kupronikel yang digunakan sebelumnya. Ia memiliki kedayatahan, kekukuhan, dan keselamatan yang lebih baik, di samping mengekalkan saiz, berat, dan reka bentuk yang sama. Inisiatif-inisiatif pemberigaan juga telah dilaksanakan untuk memastikan peralihan yang lancar.

Komposisi baharu ini memastikan bahawa syiling-syiling tersebut boleh dikitar semula

sepenuhnya, menyumbang kepada usaha kemampuan BDCB.

Meningkatkan kesedaran dan kepakaran dalam pengesanan mata wang palsu

BDCB, dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), memperkuh usaha untuk membanteras mata wang palsu melalui sesi-sesi pemberigaan 'Kenali Mata Wang Awda'. Sesi ini disasarkan kepada pelbagai sektor – termasuk institusi kewangan, agensi kerajaan dan awam, peruncit, sekolah, dan universiti – untuk memberikan panduan tentang cara mengenal pasti dan mengendalikan mata wang yang disyaki palsu.

Selain itu, tiga kakitangan BDCB telah disahkan sebagai pakar dalam menilai mata wang palsu. Para pakar ini mampu menyediakan laporan terperinci kepada PPDB, memberi sokongan dalam siasatan, dan seterusnya memperkuh usaha negara untuk memerangi isu mata wang palsu.



Sesi Sosialisasi Mengenai Mata Wang

Artikel 3 – Perkara yang patut dan yang tidak patut dilakukan menggunakan imej mata wang Brunei

Memahami peraturan-peraturan dalam penggunaan imej wang Negara Brunei Darussalam adalah penting untuk mengekalkan integriti dan keselamatan mata wang. Berikut merupakan perkara-perkara yang perlu diambil perhatian semasa mengendalikan imej mata wang Negara Brunei Darussalam:



1. Dilarang Memfotokopi Mata Wang Negara Brunei Darussalam

Memfotokopi atau membuat salinan wang Brunei adalah dilarang sama sekali. Tidak kira tujuannya, ia menyalahi undang-undang kerana ia boleh digunakan untuk pemalsuan, justeru merosakkan integriti mata wang dan mengancam kestabilan sistem kewangan. Membuat salinan semula mata wang dalam apa jua bentuk adalah tindakan jenayah yang membawa akibat undang-undang yang berat.



2. Dilarang menggunakan imej mata wang Brunei dalam iklan tanpa kebenaran

Penggunaan gambar atau lukisan yang menyerupai mata wang Brunei dalam iklan atau bahan promosi tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada BDCB adalah tidak dibenarkan. Tambahan pula, hanya BDCB yang boleh memberi kebenaran untuk penggunaan imej yang ditandakan dengan “SPESIMEN” atau “CONTOH” untuk memastikan imej tersebut tidak disalah anggap sebagai mata wang tulen.



3. Dapatkan kebenaran untuk menggunakan imej mata wang Brunei

BDCB mesti memberikan kebenaran sebelum penggunaan imej wang Brunei bagi sebarang tujuan yang sah. Ini termasuk pengeluaran semula dari segi fizikal ataupun digital.



4. Elakkan menggunakan mata wang bagi tujuan hiasan

Tujuan utama mata wang Negara Brunei Darussalam adalah untuk transaksi, bukan untuk hiasan. Menggunakan mata wang untuk tujuan hiasan – seperti dalam seni, kraf, atau sebagai sebahagian daripada pemasangan – harus dielakkan. Biasanya, aktiviti seperti ini melibatkan mengokot, melekatkan, atau merosakkan mata wang dengan cara lain, yang bukan sahaja boleh mengurangkan nilai mata wang tetapi juga boleh dianggap menyalahi undang-undang di bawah Perintah Mata Wang, 2004.



5. Wang yang digunakan sebagai bahan pameran mesti dilindungi dan berbingkai

Mempamerkan mata wang Brunei adalah dibenarkan jika mata wang tersebut disimpan dalam bingkai atau kaca pelindung. Ini adalah untuk memastikan keadaan wang tersebut terpelihara dan tidak terdedah kepada sebarang kerosakan. Sebarang perbuatan yang boleh merosakkan mata wang tersebut, seperti melamina, melipat, menggulung, melekatkan, atau mengokot mestilah dielakkan.



6. Elakkan berkongsi gambar secara umum

Untuk melindungi mata wang dan mencegah penyalahgunaannya, BDCB menasihatkan agar tidak berkongsi gambar mata wang Brunei di platform awam. Jika mendapati mata wang tercicir, orang ramai dinasihatkan untuk melaporkannya kepada pihak polis. Berkongsi gambar-gambar seperti ini boleh meningkatkan risiko penyalahgunaan gambar bagi aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Ingatlah, melindungi integriti mata wang Brunei adalah tanggungjawab bersama. Dengan mematuhi garis panduan ini, kita boleh bekerjasama untuk memelihara integriti mata wang kita.

Memperingati 40 tahun Kemerdekaan Melalui Duit Syiling Kenang-Kenangan

Bersempena dengan sambutan ulang tahun kemerdekaan Negara Brunei Darussalam ke-40, BDCB telah mengeluarkan siri syiling kenang-kenangan yang diperbuat daripada emas, perak, dan kupronikel pada bulan Februari 2024. Duit syiling ini berfungsi sebagai tanda penghormatan kepada pencapaian penting negara dan mencerminkan budaya dan sejarah negara.



Bahagian Hadapan

Bahagian hadapan syiling kenang-kenangan ini memaparkan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Imej ini menggambarkan intipati kepimpinan dan visi Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Di keliling potret tersebut terdapat 40 titik, disusun untuk melambangkan empat dekad kemerdekaan, bersama tiga motif 'Tabor Emas', yang melambangkan falsafah Melayu Islam Beraja.

Bahagian Belakang

Reka bentuk bahagian belakang mempamerkan Taman Mahkota Jubli Emas, sebuah mercu tanda yang melambangkan keharmonian, ketenteraman, dan keamanan. Struktur ikonik ini mencerminkan transformasi Bandar Seri Begawan menjadi sebuah bandar raya yang moden. Reka bentuk ini juga menggabungkan motif tradisional 'Bunga Menjalar', yang biasanya terdapat dalam tekstil tenunan Negara Brunei Darussalam, mewakili warisan budaya yang kaya di negara ini. Dua motif 'Tabor Emas' juga dipaparkan untuk melambangkan nilai keseimbangan dan keadilan.

Memandang ke hadapan

BDCB kekal komited terhadap peranannya untuk mengeluarkan dan mengurus mata wang Brunei, serta memastikan mata wang dalam edaran sistem kewangan adalah berdaya tahan.

Usaha berterusan akan diambil untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang ciri-ciri keselamatan mata wang Negara Brunei Darussalam, membekalkan mereka dengan pengetahuan untuk mengenal pasti wang kertas palsu bagi mengekalkan integriti mata wang.

Dalam mengembangkan usaha kemampuannya, BDCB juga merancang untuk bekerjasama dengan syarikat kitar semula yang bertauliah untuk menggunakan semula mata wang yang telah koyak bagi menyokong ekonomi kitaran dan mengurangkan sisa.



Rajah 7: Statistik mata wang pada tahun 2024



Pengeluaran kepada bank

▼ 4.7%

2024: BND2.072 juta
2023: BND2.175 juta



Penebusan

▼ 11.3%

2024: BND1.150 juta
2023: BND1.296 juta



Pemusnahan mata wang

▼ 39.4%

2024: BND189 juta
2023: BND311 juta

Ini mencerminkan kedayatahan mata wang dan kesesuaiannya untuk diedarkan.



Pengilangan duit syiling dalam edaran

▼ 33.6%


Jumlah pengilangan mengurang berikutan gangguan operasi yang dihadapi menjelang suku keempat tahun 2024.



Jualan mata wang kenang-kenangan

▲ 429.3%

Ini adalah berikutan jualan duit syiling emas sempena penamaan rasmi Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien serta duit syiling perak dan kupronikel sempena Ulang Tahun Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam Ke-40.



Duit syiling yang dimasukkan melalui mesin deposit duit syiling

▲ 5.7%

2024: BND167,430.27
2023: BND158,425.63



Konsainan diterima daripada Monetary Authority of Singapore

▼ 12.5%

2024: BND884.13 juta
2023: BND1.01 billion



Pemulangan SGD kepada Monetary Authority of Singapore

▼ 37.9%

2024: SGD2.942 juta
2023: SGD4.740 juta



Meningkatkan Hubungan Antarabangsa

Selaras dengan FSBP (2016-2025), BDCB terus memperkukuh integrasi kewangan serantau dan antarabangsa melalui penyertaan aktif dalam forum dan jawatankuasa global. BDCB memegang keahlian dalam beberapa organisasi antarabangsa dan serantau yang berprestij, termasuk South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN), International Islamic Financial Market (IIFM), International Association of Insurance Supervisors (IAIS), Islamic Financial Islamic Board (IFSB), International Organization of Securities Commission (IOSCO), Egmont Group, Organization for Economic Co-operation and Development International Network on Financial Education (OECD INFE), Financial Services Information Sharing and Analysis Center (FS-ISAC), Global Financial Innovation Network (GFIN), dan Mesyuarat Teknikal Mints in ASEAN (TEMAN).

Melalui keahlian dan platform ini, BDCB terus terlibat dengan perkembangan kewangan global sambil menyumbang kepada penggubalan dasar yang meningkatkan kedayatahan, inovasi, dan kelestarian.

Menerajui kewangan yang lestari: ASEAN Taxonomy Board (ATB)

Sejak memegang jawatan sebagai pengerusi ATB selepas penubuhannya pada tahun 2021, BDCB telah memainkan peranan penting dalam memacu usaha rantau ini untuk mewujudkan rangka kerja yang kukuh bagi kewangan yang lestari. Satu pencapaian besar telah dicapai pada bulan Mac 2024 dengan pembangunan dan pelancaran Taksonomi ASEAN Versi ke-3, yang mengarahkan pelaburan ke arah aktiviti ekonomi lestari di rantau ini berdasarkan sistem klasifikasi yang berasaskan sains. Ini meningkatkan



Bengkel Taksonomi ASEAN bagi Kewangan Mampan, April 2024

kejelasan dan kebolehgunaan untuk institusi kewangan dan pelabur di seluruh ASEAN.

BDCB juga telah menganjurkan Mesyuarat ATB ke-4 pada bulan April 2024, yang menyediakan platform bagi perbincangan strategik mengenai pelaksanaan Taksonomi tersebut.

Menangani cabaran global dalam kewangan Islam: Sidang Kemuncak IFSB ke-16

BDCB telah menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak ke-16 Islamic Financial Services Board (IFSB) di Negara Brunei Darussalam pada bulan Mei 2024. Tema Sidang Kemuncak ini, iaitu "Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan dalam Persekitaran yang Berkembang: Mengharungi Risiko yang Menjelang",



antaranya membincangkan cabaran global dan isu semasa dan yang menjelang berkaitan sektor kewangan Islam.

Sidang Kemuncak ini mengumpulkan peserta tempatan dan antarabangsa, termasuk gabenor bank-bank pusat, pemimpin industri, serta perwakilan daripada institusi kerajaan dan ahli-ahli akademik. Sidang ini menyediakan platform penting bagi penggubal dasar untuk terlibat dalam perbincangan dan menilai keberkesanan rangka kerja pengawalseliaan dan penyeliaan yang sedia ada dalam menguruskan risiko yang menjelang dalam kewangan Islam daripada landskap kewangan global yang kian berkembang.



Mempelopori integrasi insurans serantau: menganjurkan Mesyuarat Insurans ASEAN
Pada bulan November 2024, BDCB telah menganjurkan **ASEAN Insurance Regulator's Meeting (AIRM) ke-27** dan **ASEAN Insurance Council (AIC) ke-50**. Acara tersebut, yang mengumpulkan lebih daripada 170 orang peserta daripada pengawal selia insurans ASEAN dan sektor swasta, merupakan kerjasama yang signifikan dengan Persatuan Insurans dan Takaful Brunei ataupun Brunei Insurance and Takaful Association (BITA), serta Sekretariat ASEAN dan Sekretariat AIC.



Ini menandakan kali ke-4 Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah bagi mesyuarat yang berpengaruh, mencerminkan komitmen BDCB dalam memperkukuh sektor insurans ASEAN. Dengan tema "Menghubungkan Kedayatahan dan Inovasi dalam Landskap Insurans ASEAN", sesi dialog dan perkongsian idea yang bermakna telah diadakan bagi terus memperkukuh dan memajukan pembangunan mampan dalam sektor insurans di rantau ini.





Penglibatan global dan kerjasama serantau
Penyertaan BDCB dalam forum kewangan serantau dan antarabangsa memastikan keterlibatannya secara berterusan demi membentuk masa depan sektor kewangan global.

Sebagai Rakan Gabungan Global Asia Insurance Partnership (GAIP), BDCB telah menghadiri perbincangan peringkat tinggi pada Sidang Kemuncak GAIP yang pertama pada bulan Oktober 2024. Perbincangan ini menghimpunkan pemimpin daripada sektor awam dan swasta untuk meneroka strategi bagi menangani jurang perlindungan di seluruh Asia dan memperkukuh kedayatahan serta pertumbuhan sektor insurans.

Sementara itu, sebagai anggota International Organization of Securities Commissions (IOSCO) dan penandatangan Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO, BDCB telah menyumbang ke arah perbincangan global melalui mesyuarat dan kaji selidik tentang kewangan lestari, aset kripto, dan piawaian pengawalseliaan sambil meneruskan usaha untuk mendukung amalan terbaik antarabangsa dalam menyokong pembangunan industri. Pada tahun 2024, BDCB menyertai Growth and Emerging Market Committee (GEMC) Network for the Adoption


and Other Use of International Sustainable Standards Board (ISSB) Standards yang membolehkan BDCB untuk kekal mengikuti perkembangan dan pelaksanaan ISSB Standards dalam bidang kuasa lain.

Secara serantau, BDCB bekerjasama dengan ASEAN Capital Markets Forum (ACMF) untuk menyokong pembangunan pasaran modal yang bersepadu dan kukuh. BDCB terus menyertai mesyuarat peringkat tinggi ACMF yang utama, dengan memastikan perwakilan yang berkesan dari Negara Brunei Darussalam dalam perbincangan utama. BDCB juga memberikan input berharga kepada beberapa inisiatif ACMF dalam kewangan lestari, piawaian pendedahan, perancangan strategik, pembinaan keupayaan dan kerjasama serantau.

Di samping itu, BDCB mengekalkan hubungan rapat dengan Home Supervisors cawangan bank asing atau syarikat insurans yang beroperasi di Brunei Darussalam. Ini dicapai melalui dialog berkala yang diadakan melalui kolej penyeliaan atau supervisory colleges global dengan pengawal selia antarabangsa untuk bertukar penilaian penyeliaan, menangani bidang yang menjadi perhatian dan menerima maklumat terkini tentang pembangunan pelan perniagaan, strategi dan hala tuju masa hadapan kumpulan secara keseluruhan.



21st TEMAN Conference yang berlangsung pada November 2024



BDCB juga mengekalkan hubungan dua hala dengan pengawal selia lain bagi memudahcara perkongsian maklumat mengenai entiti-entiti yang dilesenkan oleh pihak masing-masing, dan mempunyai MoU pelbagai hala dengan organisasi-organisasi antarabangsa untuk memperkukuh kerjasama penyeliaan di peringkat global dan serantau.

Dalam memperkukuh kerjasama serantau berkaitan pengilangan syiling secara mampan, BDCB telah menyertai Persidangan TEMAN ke-21 di Cebu, Filipina pada bulan November 2024, yang, antara lain, bertujuan untuk menangani cabaran industri bagi kelangsungan jangka panjang. Persidangan tersebut menyediakan platform bagi pihak berkuasa pengilangan bertukar pandangan serta membincangkan kemajuan dan perkembangan dalam pengurusan mata wang dari segi keselamatan dan kecekapan. Ini menekankan komitmen BDCB terhadap inovasi dan kemampanan dalam industri.

Membina hubungan dua hala yang strategik

Pada bulan Januari 2024, BDCB mengadakan mesyuarat dua hala bagi julung kalinya dengan Otoritas Jasa Keuangan (OJK) untuk membincangkan bidang strategik yang menjadi kepentingan bersama, termasuk penyeliaan pasaran modal, pembangunan pasaran bon dan sukuk, serta kewangan lestari. BDCB juga menghubungkan OJK dengan entiti tempatan lain seperti Sekretariat Perubahan Iklim Brunei ataupun Brunei Climate Change Secretariat (BCCS), untuk memajukan penerokaan pasaran karbon di kedua-dua negara, Negara Brunei Darussalam dan Indonesia.

Mesyuarat ini merupakan langkah penting dalam memajukan objektif yang digariskan dalam MoU 2021 antara BDCB dan OJK, yang memberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan, pertukaran amalan terbaik, penyeliaan institusi kewangan, pendidikan dan rangkuman kewangan, serta perlindungan pengguna.



Mesyuarat dua hala dengan OJK pada Januari 2024

Memandang ke hadapan

BDCB tetap komited untuk memperkukuh penglibatan antarabangsanya untuk memastikan kedayatahan dan kebolehsesuaian kewangan dalam landskap global yang giat berkembang. Dalam menelusuri cabaran dan peluang yang menjelang, BDCB akan terus membina kerjasama strategik yang menyokong kolaborasi, perkongsian pengetahuan, integrasi serantau, kestabilan kewangan, dan kemajuan ekonomi.



Perkembangan Organisasi

Warga BDCB


Warga BDCB merupakan teras kejayaan organisasi. BDCB tetap komited untuk memupuk persekitaran tempat kerja yang dinamik dengan memberikan tumpuan kepada penglibatan, kedayatahan dan pembangunan berterusan agar tenaga kerjanya dapat terus meraih kecemerlangan dan menyesuaikan diri jika berdepanan dengan cabaran di masa hadapan.

Penyelarasan bakat strategik bagi kecemerlangan organisasi

Pada tahun 2024, beberapa bengkel telah diadakan untuk mengumpul maklum balas daripada warga BDCB mengenai kecekapan yang paling relevan dengan jabatan masing-masing, yang merupakan satu langkah penting dalam membangunkan Rangka Kerja Kompetensi BDCB.

Rangka kerja ini direka untuk mentakrifkan kemahiran, pengetahuan, tingkah laku, dan sifat penting yang diperlukan oleh warga BDCB untuk sentiasa berjaya dalam peranan mereka dan menyumbang kepada objektif strategik organisasi. Prestasi individu yang diselaraskan dengan misi dan nilai BDCB memastikan bahawa warga BDCB dilengkapi dengan baik untuk memacu matlamat jangka panjang institusi dengan berkesan.

Setelah penyepaduan, rangka kerja ini juga akan memperkukuh proses sumber manusia utama, termasuk pengambilan pekerja, pengurusan prestasi, pembelajaran dan pembangunan, serta perancangan penggantian. Ia juga akan membimbing huraian kerja, penilaian calon, dan penilaian prestasi sambil mengenal pasti jurang kemahiran bagi latihan yang disasarkan.




Bahan pendidikan kesejahteraan digital

Memperkasakan pekerja melalui inisiatif kesejahteraan dan penglibatan BDCB mengakui bahawa kesejahteraan pekerja adalah asas kepada kejayaan keseluruhan organisasi. Oleh itu, inisiatif dilaksanakan secara berkala untuk mengutamakan kesihatan mental, pertumbuhan profesional dan kesejahteraan keseluruhan pekerja.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan pekerja, BDCB telah memperbaharui kontraknya untuk tahun keempat dengan Clarity Sdn. Bhd. iaitu sebuah penyedia perkhidmatan kaunseling tempatan pihak ketiga yang dipercayai. Melalui kerjasama ini, BDCB memastikan warga BDCB mempunyai akses kepada perkhidmatan kaunseling yang profesional, satu komponen penting dalam memupuk persekitaran kerja yang sihat dan produktif.

Selain perkhidmatan tersebut, BDCB terus mengeluarkan bahan komunikasi sepanjang tahun untuk mempromosikan kesejahteraan mental, kedayatahan dan kesejahteraan sebagai sebahagian daripada inisiatif pendidikan kesejahteraan digitalnya. Bahan-bahan tersebut



yang dikendalikan oleh Clarity Sdn. Bhd. merupakan sebahagian daripada Program Bantuan Pekerja organisasi. Antara topik-topik penting yang disentuh ialah kesihatan mental wanita dan kesejahteraan di tempat kerja.

Di samping itu, untuk mengukuhkan lagi komitmennya terhadap penglibatan dan ketelusan pekerja, BDCB telah menganjurkan Dialog Awam tahunannya pada bulan April 2024. Dialog tersebut menyediakan platform untuk warga BDCB berinteraksi secara langsung dengan pihak Pengurusan Eksekutif BDCB, berkongsi kebimbangan, dan membincangkan pelbagai topik, daripada kecekapan organisasi hingga keperluan latihan, kebajikan, dan hala tuju strategik BDCB sepanjang tahun tersebut.

Dialog tersebut juga berfungsi sebagai peluang untuk memberikan motivasi dan inspirasi kepada warga BDCB, memupuk kerjasama dan penglibatan dalaman selaras dengan nilai teras organisasi iaitu Kerja Berpasukan, Integriti, Kecemerlangan dan Inovasi. Selain itu, acara tersebut meraikan 22 pekerja atas perkhidmatan jangka panjang mereka dengan BDCB, di samping menghargai kesetiaan dan komitmen mereka terhadap organisasi.

Memperkasakan perjalanan melalui pembelajaran berterusan
Melabur dalam pembelajaran berterusan dan perkembangan profesional kekal menjadi keutamaan bagi BDCB. Melalui inisiatif pembangunan yang disasarkan, BDCB memperkasakan tenaga kerjanya untuk meningkatkan kepakaran dan mengukuhkan keupayaan masing-masing, sejajar dengan amalan terbaik industri. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, seramai 28 pekerja berjaya memperoleh pensijilan profesional, piagam, dan kelayakan lanjutan sepanjang tahun 2024.

Sumber Manusia dan Perkembangan Modal Insan

- Chartered Institute of Personnel and Development Level 5
- Chartered Institute of Personnel and Development Level 3

Penyeliaan Kewangan

- Certified Financial Supervisor (CFS) Level 2

Kewangan Islam

- Certified Islamic Specialist dalam tadbir urus dan pematuhan, Bahrain
- Certified Syariah Advisor and Auditor, Bahrain
- Certified Syariah Advisor, Malaysia
- Certified Islamic Specialist in Product Development, Bahrain

Perkembangan Kewangan


- Certification in Green and Sustainable Finance
- Islamic FinTech Professional Certificate Programme

Data dan Teknologi

- L-300T00: Microsoft Power BI Data Analyst Certification
- ITIL V4 Foundation Training and Exam
- CompTIA Security+ Exam Certification
- Comp TIA Server+
- Comp TIA Security+
- Qualified Information Security Associate

Pengurusan Projek dan Krisis

- Prince2 Foundation
- Prince2 7th Edition Foundation
- Certificate in Agile Project and Delivery Management
- EC-Council Disaster Recovery Professional



Pada bulan April 2024, Skim Biasiswa BDCB telah diperkenalkan. Skim ini mengembangkan Program Dalam Perkhidmatan sebelum ini, yang terhad kepada pengajian sarjana dan PhD. Kini, inisiatif dipanjangkan kepada program Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dan ijazah untuk kedua-dua pengajian secara sepenuh masa dan separuh masa, yang menyokong warga BDCB dalam pembangunan profesional.

Tahun ini, sebanyak dua pekerja telah dianugerahkan biasiswa – seorang melanjutkan pengajian Sarjana Sains dalam Analisis Perniagaan di Universiti Warwick, United Kingdom, dan seorang lagi mengikuti HND Tahap 5 dalam Perniagaan di Kolej Cosmopolitan, Negara Brunei Darussalam.

Skim ini bertujuan untuk memupuk pembelajaran berterusan, membantu pekerja meningkatkan kemahiran, sambil memperkukuh keupayaan keseluruhan BDCB. Respons positif ini mencerminkan komitmen BDCB terhadap pembangunan bakat dan perkembangan organisasi.

Tambahan pula, sebagai sebahagian daripada dedikasi BDCB terhadap perkembangan modal insan dan pertukaran pengetahuan, dua orang pegawai telah menyelesaikan penempatan kerja di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Monetary Authority of Singapore. Semasa penempatan tersebut, para pegawai memperoleh pandangan berharga tentang amalan terbaik antarabangsa, rangka kerja penyeliaan dan teknologi kewangan inovatif. Pendedahan mereka kepada trend yang menjelang, strategi transformasi digital, dan pendekatan kawal selia yang progresif telah memperluas kepakaran mereka dan memperdalam pemahaman terhadap tadbir urus kewangan global.

Peluang ini bukan sahaja meningkatkan pengetahuan teknikal dan kecekapan strategik mereka tetapi juga memperkukuh hubungan institusi dengan para pengawal selia kewangan global dan pemimpin industri.

Hubungan ini meletakkan asas untuk kerjasama masa hadapan yang memastikan BDCB terus



terlibat secara aktif dalam perkembangan kawal selia kewangan serantau dan antarabangsa.

Setelah kembali, para pegawai secara aktif berkongsi pembelajaran utama mereka melalui sesi perkongsian pengetahuan dalaman, taklimat sasaran, dan perbincangan dasar, yang menyumbang kepada penambahbaikan dan peningkatan dasar, strategi pengawalseliaan, dan amalan operasi BDCB. Pandangan para pegawai tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan rangka kerja penyeliaan dan pengawalseliaan BDCB kekal sejajar dengan piawaian global dan amalan terbaik industri.

Sementara itu, program latihan amali (internship) BDCB merupakan inisiatif penting yang memberikan peluang pengalaman praktikal dalam perbankan pusat kepada pelajar-pelajar tempatan daripada institusi tempatan dan antarabangsa. Ini termasuk pelajar daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (Institute of Brunei Technical Education-IBTE), Politeknik Brunei (PB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), dan universiti luar negara seperti Universiti Sunway. Program ini membolehkan pelajar memperoleh kemahiran praktikal, menerapkan pengetahuan teori dalam persekitaran dunia sebenar, sambil mengembangkan kecekapan profesional utama untuk kerjaya masa hadapan masing-masing.

Memupuk budaya berkongsi pengetahuan Sepanjang tahun 2024, beberapa siri sesi perkongsian pengetahuan telah diadakan untuk meningkatkan perkembangan profesional dan etika dalam kalangan tenaga kerja BDCB. Sesi-sesi ini memperkasa pekerja untuk mengharungi cabaran dan mendukung komitmen organisasi terhadap integriti dan kecemerlangan.

Topik-topik utama termasuk memupuk kepercayaan dan kecemerlangan di tempat kerja, dengan memberi tumpuan kepada membina hubungan interpersonal yang kukuh dan persekitaran yang berprestasi tinggi. Sesi-sesi tersebut juga membincangkan kepimpinan beretika yang mengambil inspirasi daripada nilai-nilai Nabi Muhammad ﷺ dan menekankan kepentingan



Sesi perkongsian dalaman sedang berlangsung

membuat keputusan berasaskan nilai. Selain itu, sesi pemberitaan berkaitan pencegahan rasuah dan penipuan komersial juga diadakan untuk melengkapkan warga BDCB dengan pengetahuan untuk melindungi organisasi daripada amalan tidak beretika dan ancaman berpotensi.

Sesi perkongsian dalaman juga diadakan secara berkala, yang memberikan peluang berharga kepada warga BDCB untuk meluaskan pengetahuan mereka dalam pelbagai subjek, sekali gus memperhalusi kemahiran mereka untuk menyampaikan pembentangan dengan lebih interaktif.

Sesi tahun 2024 merangkumi pelbagai aspek seperti pengurusan mata wang, transformasi digital, kelestarian, dan kewangan Islam. Topik seperti keselamatan siber, kesan media sosial terhadap tingkah laku pengguna, dan kecerdasan buatan (AI) generatif turut mencetuskan perbincangan yang bernas. Dengan mempelajari daripada pengalaman luar, seperti pelajaran yang diperoleh daripada lawatan kerja, para pekerja juga memperoleh perspektif berharga yang menyumbang kepada perkembangan profesional mereka dan inisiatif strategik BDCB.

Selain itu, Pertandingan Pelaburan, iaitu acara tahunan khusus bagi pegawai dan kakitangan BDCB, telah diadakan untuk meningkatkan tahap celik dan kesedaran mengenai pelaburan. Peserta terlibat dalam pembelajaran sendiri, menganalisis trend pasaran, dan membangunkan strategi perdagangan masing-masing.

Pertandingan tersebut memberikan pengalaman praktikal yang berharga, memupuk pemahaman yang lebih mendalam tentang konsep pelaburan dan mempromosikan pengetahuan kewangan dalam organisasi.

“Penempatan kerja ini dicadangkan oleh pihak Pengurusan dengan objektif untuk memperoleh pengalaman praktikal dalam penyeliaan bursa saham dan pengawasan pasaran, sebagai persediaan untuk penubuhan bursa saham negara di masa akan datang. Semasa penempatan tersebut, saya telah ditempatkan di pelbagai jabatan yang berbeza, yang membolehkan saya memperoleh pengetahuan teknikal yang berkaitan dengan infrastruktur pasaran kewangan, termasuk proses penjelasan dan penyelesaian, mengesan kes sebenar manipulasi pasaran menggunakan sistem pengawasan, dan menjalankan pengawasan peringkat makro pasaran kewangan. Satu daripada cabaran yang saya hadapi semasa penempatan tersebut, selain daripada berjauhan dari keluarga saya, adalah memastikan bahawa pengalaman tersebut selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Perkara ini memerlukan pendekatan proaktif, seperti mengenal pasti peluang yang tepat untuk mengajukan soalan yang disasarkan dan belajar daripada rakan sekerja. Saya mendapati bahawa perbincangan santai atau tidak formal dengan ahli pasukan amat berharga untuk mendapatkan pandangan dan memperdalam lagi pemahaman saya.

Alhamdulillah, saya berjaya membentangkan beberapa topik daripada penempatan kerja saya kepada warga BDCB dan saya **bersemangat untuk menyumbang lebih lanjut dalam bidang ini.”**

Farhan Kamri

Pengurus, Penyeliaan 2

Penempatan Kerja 6 bulan di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

September 2023 – Mac 2024



Graduan-graduan BDCB (2023-2024)

Apabila saya memutuskan untuk mengikuti program Sarjana dalam Perbankan Pusat (Masters in Central Banking), saya didorong oleh keinginan untuk mengukuhkan kepakaran saya dan menyumbang secara efektif kepada kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam. Program yang ditawarkan oleh Asia School of Business dengan kerjasama Massachusetts Institute of Technology (MIT) Sloan ini sangat sesuai dengan gabungan pengetahuan teori dan pandangan praktikalnya yang disesuaikan untuk bank pusat. Melalui program ini, saya memperluas rangkaian profesional saya, dan berhubung dengan para jurubank pusat dari Asia Tenggara, Pakistan, Arab Saudi, dan Sudan.

Satu daripada aspek yang paling berkesan dalam program ini adalah pendekatan kajian kes, yang membolehkan saya menerapkan pengetahuan teori kepada senario dunia sebenar. Ini termasuk meneroka cabaran-cabaran berkaitan pengurusan krisis, pelaksanaan dasar kewangan, dan pelaksanaan alat makroprudensial. Pengalaman praktikal ini membantu saya berfikir secara kritikal dan mengembangkan penyelesaian yang disesuaikan dengan sistem kewangan negara.

Siri Proseminar merupakan satu lagi sorotan penting, di mana saya berpeluang untuk belajar secara langsung daripada mantan gabenor bank pusat seperti Tan Sri Shamsiah Mohd Yunos, yang berkongsi pengalaman kepemimpinannya semasa pandemik COVID-19, dan Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, yang memberikan pandangan beliau tentang pengurusan Krisis Kewangan Asia.

Momen yang paling tidak dapat dilupakan dalam program ini ialah US Trek, iaitu ketika kami melawat institusi-institusi utama di Amerika Syarikat, termasuk New York Federal Reserve dan IMF. Ini memberi saya pemahaman mendalam tentang cara bank pusat utama beroperasi dan kepentingan kerjasama dalam penggubalan dasar.

Perjalanan ini bukan sekadar tentang pertumbuhan akademik; ia merupakan pengalaman transformasi yang membentuk semula pendekatan saya terhadap perbankan pusat dan mengukuhkan komitmen saya untuk menyumbang kepada kedayatahan kewangan Negara Brunei Darussalam.

Najibah Muhammad

Penolong Pengarah Eksekutif,
Pengawalseliaan 3
Sarjana dalam Perbankan Pusat,
Asia School of Business dengan
kerjasama MIT Sloan





Graduan-graduan BDCB (2023-2024)

Landskap kewangan yang berkembang pesat, terutamanya dengan kemunculan mata wang digital dan teknologi blok rantai (blockchain), telah mengubah peranan bank pusat dengan signifikan. Sebagai seorang ahli ekonomi bank pusat, saya memutuskan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang Teknologi Kewangan untuk memastikan saya sentiasa satu langkah di hadapan dalam menghadapi perubahan ini. Program ini menawarkan gabungan unik kemahiran teknikal sambil memberikan pemahaman mendalam tentang implikasi dasar yang dibawa oleh kemajuan teknologi. Sepanjang kursus ini, saya telah mengembangkan kemahiran pengaturcaraan yang berharga menggunakan Python dan R, serta memperoleh pemahaman yang komprehensif tentang teknologi blok rantai dan lejar teragih. Sementara itu, tumpuan program kepada inovasi dasar mengajarkan kepentingan untuk memupuk inovasi tanpa menjejaskan kestabilan monetari dan kewangan.

Satu daripada sorotan penting pengalaman saya ialah peluang untuk bekerja dan berhubung dengan pakar-pakar industri FinTech di United Kingdom termasuk individu yang bekerja di firma permulaan teknologi dan institusi-institusi yang lebih mapan. Saya juga berpeluang untuk menyertai beberapa hackathon di mana saya berpeluang untuk menerapkan pengetahuan saya, bekerjasama dengan rakan sebaya, dan berinovasi di bawah tekanan. Selain bidang akademik, saya telah menyaksikan Cahaya Utara di Norway, yang merupakan detik yang paling berharga sepanjang masa saya di luar negara.


Mengimbas kembali, perkara yang paling saya rindui mungkin adalah persekitaran yang merangsang intelektual dan melibatkan diri dengan rakan sebaya daripada pelbagai pelusuk dunia. Sebaliknya, saya tidak merindui malam-malam yang dihabiskan untuk menyiapkan tugas dan belajar untuk peperiksaan! Namun begitu, pengalaman ini secara keseluruhannya sangat memperkayakan, dan saya akan mengesyorkannya kepada sesiapa yang berminat dalam bidang FinTech.

Ameera Dayana Borhan

Pengurus, Ekonomi, Penyelidikan dan Statistik
Sarjana Sains dalam Teknologi Kewangan,
Birmingham University



Rajah 8: Demografi warga BDCB pada tahun 2024



Pengembangan tenaga kerja untuk kedayatahan organisasi

BDCB terus mengembangkan tenaganya untuk menyokong keperluan perkembangan jangka panjang dan keutamaan strategik organisasi. Pertumbuhan yang berterusan ini mencerminkan komitmen organisasi untuk membina kekukuhan dan kedayatahan untuk masa hadapan, dengan keupayaan untuk memenuhi permintaan yang sentiasa berkembang.

Tenaga kerja BDCB berkembang sebanyak 5.33% daripada 244 orang pada tahun 2023 kepada 257 orang pada tahun 2024. Tenaga kerja terdiri daripada pelbagai kumpulan umur, dengan golongan milenial mewakili sebahagian yang signifikan, sambil mengekalkan pengagihan jantina yang agak seimbang di pelbagai peringkat pekerjaan.

Dengan perkembangan semasa, gabungan pelbagai generasi memupuk kedayatahan dan kebolehsuaian, yang memastikan tenaga kerja yang seimbang dan dinamik. Komposisi tenaga kerja ini menyediakan asas yang kukuh dari segi pengalaman dan perspektif baharu, membolehkan organisasi untuk mengharungi cabaran masa depan dengan berkesan.

Memperkukuh hubungan para pekerja BDCB tetap komited untuk memupuk tenaga kerja yang kolaboratif dan melibatkan diri melalui inisiatif yang memperkukuh hubungan pekerja dan semangat berpasukan di luar tanggungjawab harian masing-masing. Bersempena dengan Bulan Kesejahteraan November, sesi perkongsian kemahiran mengenai pembakaran roti telah diadakan untuk mengeratkan hubungan antara warga BDCB, sekali gus menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kerja berpasukan dalam suasana yang santai. Selain itu, acara BDCB **Interhouse Lip Sync Battle** dan sesi "Winding Down" CSR menggalakkan kreativiti dan persahabatan melalui persaingan ringan.

Beberapa unit juga berpeluang untuk menganjurkan inisiatif pembinaan pasukan masing-masing. Ini bertujuan untuk memperkukuh kerjasama, membina kepercayaan, meningkatkan komunikasi, dan memupuk rasa kekitaan yang positif dalam kalangan rakan sekerja.

"Sebagai sebuah pasukan kecil, pengalaman pembinaan pasukan membolehkan kami mewujudkan interaksi dan hubungan yang lebih peribadi untuk membina hubungan baik antara satu sama lain. Pasukan kami menjalankan aktiviti tembikar yang menenangkan dan menyeronokkan untuk para ahli pasukan, menggalakkan kesabaran, kreativiti, dan penyelesaian masalah - semua sifat penting bagi seorang pengurus risiko."

'Atiqah Adinin (Pengurus, Risiko & Pematuhan)



"Unit kami mengadakan pelbagai aktiviti menarik, termasuk memanah, memancing, permainan papan, dan karaoke, dilengkapi dengan bufet makan tengah hari. Suasana sangat santai dan menyeronokkan ini memupuk semangat berpasukan yang lebih kuat dan meningkatkan koordinasi dalam kalangan rakan sekerja. Secara keseluruhan, ia merupakan pengalaman yang sangat produktif dan menyeronokkan untuk seluruh pasukan."

Ernie Sekinnah Ali Rahman
(Associate, Ekonomi, Penyelidikan & Statistik)

"Sesi pembinaan bahagian Teknologi yang diadakan di Pantai Serasa adalah sesi yang sangat mesra dan mencabar. Walaupun cuaca dan air surut pada awalnya, kami tetap berseronok dengan sesi trivia. Kami kemudian mula bermain permainan sukan air. Walaupun sukan air agak ekstrem, saya seronok bermain di sekitar perairan."

Selepas bermain sukan air, kami mengadakan sesi permainan lain – 'Teka Foto Anak Damit' dan 'ABC Jika Awda Menang'. Memang amat menyeronokkan melihat rakan sekerja saya di luar persekitaran pejabat dan ini membantu memperbaiki lagi hubungan saya dengan rakan sekerja saya."

Hafiz Hilmy (Associate, Teknologi)



Memupuk Penglibatan

Meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab BDCB

BDCB terus menganjurkan pelbagai inisiatif pemberitaan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang peranan dan tanggungjawab organisasi. Sesi-sesi tersebut membincangkan beberapa topik utama, termasuk dasar monetari,

Financial Sector Blueprint (2016-2025), Perintah Mata Wang, 2004 - dengan tumpuan khusus terhadap pengendalian mata wang Negara Brunei Darussalam secara betul - dan akses kepada kredit. BDCB juga menganjurkan beberapa lawatan berpandu ke Galeri Mata Wang BDCB.

Rajah 9: Inisiatif-inisiatif pemberitaan

TOPIK	Dasar Monetari + Financial Sector Blueprint	Kenali Mata Wang Brunei + Lawatan berpandu ke Galeri Mata Wang BDCB	Akses kepada Kredit
TOPIK YANG DIBINCANGKAN	<ul style="list-style-type: none"> Gambaran keseluruhan tentang Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA) antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura, serta Pengaturan Lembaga Mata Wang (CBA). Gambaran keseluruhan tentang kemajuan/langkah yang dilaksanakan untuk merangsang pertumbuhan sektor kewangan Negara Brunei Darussalam dari aspek pengawalseliaan dan perkembangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Pengendalian mata wang Negara Brunei Darussalam secara betul. Gambaran keseluruhan tentang sejarah dan perkembangan mata wang Brunei selama beberapa dekad. Lawatan berpandu ke Galeri Mata Wang BDCB. 	<ul style="list-style-type: none"> Sesi pengenalan tentang konsep Transaksi Bercagar dan Pendaftaran Cagaran. Konsep faedah dan kos meminjam wang, termasuk perkara yang menjadikan seseorang itu peminjam yang baik atau sebaliknya.
AUDIENS	<p>Agensi Kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> Kementerian Pendidikan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri Kementerian Pembangunan Pejabat Daerah Tutong Dewan Bahasa dan Pustaka 	<p>Sektor swasta</p> <ul style="list-style-type: none"> Penjual dalam talian Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) Standard Chartered Bank (SCB) 	<p>Pelajar</p> <ul style="list-style-type: none"> Laksamana College Brunei Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar Sekolah Rendah Lambak Kanan Sekolah Rendah Keriam Sekolah Rendah Teraban

Meningkatkan tahap celik kewangan
Dalam usaha BDCB untuk meningkatkan tahap celik kewangan bagi segmen penduduk yang berbeza, pelbagai program celik kewangan telah dianjurkan, termasuk ceramah, kursus, jerayawara, dan acara pada tahun 2024. Dalam hal ini, BDCB terus memperluas modul celik kewangan untuk memenuhi keperluan landskap kewangan yang berkembang, dengan tumpuan khusus kepada celik kewangan digital.

Rajah 10: Sasaran inisiatif celik kewangan

Inisiatif	Ceramah Kursus Jerayawara
Jumlah peserta yang dicapai*	1,316
Kumpulan sasaran yang dicapai	Pelajar Sektor swasta Badan berkanun Pegawai dan kakitangan kerajaan

*Tidak termasuk liputan semasa Hari Celik Kewangan Kebangsaan

BDCB juga menyokong acara celik kewangan pada peringkat kebangsaan, serantau dan global, seperti Hari Celik Kewangan Kebangsaan, Hari Menabung ASEAN, dan Minggu Pelabur Sedunia.

Untuk memastikan akses kepada maklumat kewangan, bahan-bahan kesedaran disalurkan dikongsikan melalui beberapa saluran termasuk tampilan teks pada layar TV (TV tickers), kapsul radio, video, artikel, dan akaun Instagram, @centralbank.brunei.

Untuk maju ke hadapan dan menyokong Majlis Celik Kewangan Kebangsaan ataupun National Financial Literacy Council (NFLC), BDCB akan menjalankan Kaji Selidik Celik Kewangan Kebangsaan yang ke-empat.

Kaji selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap celik kewangan dan mengenal pasti kumpulan berisiko di Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan metodologi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Hasil kaji selidik ini akan dikaitkan secara langsung ke inisiatif NFLC untuk menambah baik strategi celik kewangan kebangsaan, terutamanya dalam mengembangkan keutamaan strategik, matlamat, dan sasaran yang boleh diukur.

Menangani penipuan kewangan

Pada tahun 2024, BDCB meneruskan usahanya untuk meningkatkan kesedaran tentang penipuan kewangan dan membantu melindungi orang ramai daripada aktiviti penipuan kewangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha ini, sebuah perjumpaan telah diadakan bersama Yang Berhormat Chong Chin Yee, ahli Majlis Mesyuarat Negara, dan Jawatankuasa Kerja Penguatkuasaan Undang-Undang (JKPU). Perbincangan ini menekankan inisiatif berterusan BDCB dalam menangani penipuan dan menekankan kepentingan tindakan kolaboratif dalam menangani jenayah kewangan.

Tambahan pula, sebagai sebahagian daripada strategi komunikasi proaktifnya, BDCB memberikan respons dengan pantas terhadap penipuan yang melibatkan penyalahgunaan nama organisasi. Siaran akhbar dan bahan melalui Instagram dikeluarkan untuk memberi amaran kepada orang ramai. Semua usaha ini bertujuan untuk memaklumkan orang ramai tentang penipuan yang menjelang dan seterusnya melindungi mereka daripada ancaman yang berkaitan.

Bahan kesedaran mengenai penipuan melalui Instagram Bank Central Brunei Darussalam.

ANNOUNCEMENT

10 new companies/individuals have been included in the **BDCB Alert List**

Protect yourself against financial scams

- The public should only deal with financial institutions licensed by BDCB and avoid any unlicensed companies or individuals carrying out or offering financial products or services.
- Check out BDCB's list of licensees on our website before subscribing to any financial products or services.
- Protection under the laws administered by BDCB is not applicable should members of the public choose to deal with unlicensed or unregulated companies or individuals.
- For the full BDCB Alert List, please visit www.bdcb.gov.bn

Jadilah Pengguna Kewangan Dalam Talian Yang Bertanggungjawab

Teknologi Baharu bermaksud Risiko Baharu

Iti termasuk penangan mawani melalui telefon pintar, menggunakan akaun digital, dan perisian perniagaan dalam talian.

Untuk mengurusi perkara ini, institusi kewangan secara berkesinambungan memperkukuh sistem pemantauan mereka untuk mengesan dan mencegah penipuan. Walau bagaimanapun, ia adalah penting untuk memastikan bahawa anda tidak menjadi mangsa penipuan dalam talian yang bertanggunganjawab.

Nantikan kita dan maklumat lanjut

For further queries or to lodge a complaint: www.bdcb.gov.bn | +673 8390000

BDCB CENTRAL BANK

Artikel 4 – Hari Celik Kewangan Kebangsaan 2024

Hari Celik Kewangan Kebangsaan ataupun National Financial Literacy Day (NFLD), yang sebelum ini dikenali sebagai Hari Menabung Kebangsaan ataupun National Savings Day (NSD), disambut setiap tahun pada 28 Mei. NFLD merupakan inisiatif induk yang diketuai oleh BDCB dan disokong oleh Majlis Celik Kewangan Kebangsaan (NFLC). Matlamat utama inisiatif ini termasuk mempromosikan budaya menabung dan pengurusan wang yang bijak, meningkatkan tahap celik kewangan, dan meningkatkan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan kewangan yang sedia ada. Penjenamaan semula NSD kepada NFLD mencerminkan misi yang lebih luas bagi memperkukuh kedayatahan kewangan secara keseluruhan dalam kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif Utama di bawah NFLD 2024

Jerayawara Kesedaran Kewangan

BDCB, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, mengungkapkannya sebanyak lima jerayawara di seluruh Negara Brunei Darussalam, mencapai lebih daripada 2,100 orang pelajar daripada 149 buah sekolah rendah.

Siri jerayawara tersebut dirasmikan oleh Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, Menteri Pendidikan dan Pengerusi NFLC. Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BDCB dan Timbalan Pengerusi NFLC, juga turut hadir bersama pegawai-pegawai kanan yang lain.

Jerayawara ini memberi tumpuan kepada topik kewangan utama seperti belanjawan, simpanan, pengurusan hutang, dan perlindungan pengguna kewangan. Sesi jerayawara tersebut adalah sesi interaktif yang menampilkan aktiviti daripada pelbagai agensi seperti Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Cyber Security Brunei (CSB) dan beberapa institusi kewangan.

Jadual 3: Program jerayawara yang diadakan di bawah NFLD 2024

Tarikh	Sekolah hos	Bilangan sekolah yang terlibat	Jumlah pelajar
6 Jun 2024	Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Brunei-Muara	43	475
11 Jun 2024	Sekolah Rendah Sg. Tali, Belait	16	430
13 Jun 2024	Sekolah Rendah Rataie, Temburong	13	383
27 Jun 2024	Pusat Tingkatan Enam Tutong, Tutong	29	391
3 Julai 2024	Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Brunei-Muara	48	440
Jumlah capaian		149	2,119



Financial Fun Fair

Financial Fun Fair yang ke-5, yang telah diadakan pada 31 Ogos hingga 1 September di Jerudong Park, telah menarik lebih daripada 7,000 pengunjung. Pesta ini memfokuskan pada celik kewangan digital dan menampilkan pameran berkaitan penyelesaian pembayaran digital yang inovatif melalui permainan dan beberapa siri ceramah. Selain itu, aplikasi mudah alih BDCB yang menawarkan beberapa alat perancangan kewangan dan perlindungan pengguna telah dilancarkan. Antara sorotan utama yang menarik ialah Fun-nancial Race, iaitu satu pertandingan kewangan interaktif yang menggunakan konsep pencarian harta karun.

Artikel Kesedaran

Sebanyak tiga artikel tentang pengurusan kewangan digital diterbitkan termasuk evolusi simpanan daripada tradisional kepada digital, faedah pembayaran digital, dan jenis pembayaran digital. Artikel-artikel tersebut bertujuan untuk mengongsikan maklumat tentang cara-cara mengharungi landskap kewangan di Negara Brunei Darussalam yang giat berkembang. Melalui usaha ini, BDCB terus memperkasakan rakyat negara dengan pengetahuan dan alat untuk mengurus kewangan mereka secara efektif, membina kedayatahan kewangan, dan menerima pakai ekosistem kewangan digital.

Financial Fun Fair Kali Ke-Lima





Ceramah dan pameran mengenai berkaitan Celik kewangan dan penipuan kewangan

Sebagai sebahagian daripada Aliran Kerja 1 (Pendidikan dan Kesedaran) Criminal Intelligence Research Group (CINRG), beberapa artikel telah dikeluarkan, yang memberikan tip untuk melindungi diri dalam talian. Siri artikel ini memberikan panduan yang berguna untuk mengenal pasti dan mengelakkan penipuan dalam talian dan seterusnya, memperkasa orang ramai untuk membuat keputusan kewangan yang bijak.

BDCB juga secara aktif ikut serta dalam penglibatan awam untuk meningkatkan kesedaran tentang penipuan kewangan dan

mempromosikan perlindungan pengguna kewangan. Semasa acara-acara ini, beberapa topik dibincangkan seperti ciri-ciri penipuan yang kebiasaannya berlaku, penipuan dalam talian yang berleluasa, dan tip keselamatan untuk perlindungan.

Melalui pelbagai usaha ini, BDCB memainkan peranan penting dalam memerangi penipuan kewangan, melengkapkan orang ramai dengan alat/instrumen dan pengetahuan untuk melindungi diri mereka.

Jangkauan Masyarakat

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat ataupun Corporate Social Responsibility (CSR) BDCB bertujuan untuk menyumbang ke arah pembangunan masyarakat dan kesejahteraan sosial, dengan memberikan tumpuan kepada memupuk masyarakat yang prihatin dan inklusif. Ini adalah selaras dengan komitmen organisasi untuk memberikan impak positif kepada masyarakat, menyokong amalan mampan, dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Inisiatif sempena bulan Ramadan Sebagai sebahagian daripada inisiatif tahunannya, BDCB telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk membantu masyarakat, terutamanya mengambil kira bulan Ramadan sebagai bulan untuk muhasabah diri dan berkongsi rezeki. Bersama dengan beberapa organisasi tempatan, barangan keperluan asas telah diagihkan kepada 25 buah keluarga muaf; 550 hidangan berbuka puasa telah disediakan; dan sebuah kempen derma telah dianjurkan yang berjaya mengumpul sebanyak BND3,450 untuk dihadiahkan kepada 23 orang kanak-kanak yatim. Melalui inisiatif ini, BDCB bertujuan untuk membuat perubahan yang bermakna dalam kehidupan mereka yang memerlukan.


Tabung Kemanusiaan Palestin untuk Gaza

Sebanyak BND4,734.30 telah berjaya dikumpulkan dan disumbangkan ke Tabung Kemanusiaan Palestin untuk Gaza. Dana ini bertujuan untuk mengumpul sumbangan daripada semua rakyat untuk disalurkan kepada mangsa yang terjejas.

Memacu kemampanan dalam sektor kewangan dan seterusnya

Inisiatif Komuniti Industri Kewangan telah dianjurkan, yang bertujuan untuk memupuk kerjasama dan mengukuhkan hubungan antara institusi-institusi kewangan khusus berkaitan aktiviti CSR.






Untuk memulakan inisiatif ini, BDCB bekerjasama dengan Green Brunei bagi 'Wira H2O: Kempen Bersihkan Sungai' (H2O Heroes: River Clean Up) di Kampung Ayer pada bulan Jun 2024. Projek yang diadakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia ini bertujuan untuk memacu sumbangan sektor kewangan kepada agenda kelestarian Negara Brunei Darussalam sambil meningkatkan kesedaran tentang cabaran persekitaran di Kampung Ayer.

Sebagai sokongan tambahan terhadap kelestarian, BDCB juga telah menyumbangkan sebanyak 26 buah aset teknologi maklumat yang digunakan semula (repurposed) kepada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Kampus Jefri Bolkiah. Dengan memanjangkan hayat aset-aset tersebut, BDCB bukan sahaja menggalakkan pemuliharaan sumber, namun juga mengukuhkan komitmen terhadap amalan lestari, dan memperkaya peluang pembelajaran bagi pelajar.

Menyokong kesejahteraan masyarakat

BDCB juga memulakan dua projek yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Sebanyak lapan buah bangku telah disumbangkan kepada pihak Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), yang dihasrat akan memberikan keselesaan dan kemudahan kepada para pesakit, pelawat, dan kakitangan. Selain itu, sebuah Kempen Derma Darah, dengan kerjasama Pusat Derma Darah, Hospital RIPAS, telah dikelolakan. Kempen ini berjaya mengumpul sebanyak 64 pain darah daripada 72 penderma. Inisiatif ini mencerminkan dedikasi organisasi untuk membuat perubahan positif.





Keupayaan Organisasi

Menyelaraskan keutamaan strategik dengan Financial Sector Blueprint

Pada tahun 2024, BDCB telah mengadakan empat sesi Annual Business Planning Retreat (ABPR). Sesi-sesi tersebut direka untuk menyelaraskan dan mengutamakan rancangan kerja setiap unit dengan Financial Sector Blueprint (FSBP) 2016-2025 bagi memastikan peruntukan sumber yang efektif untuk menjayakan pelaksanaannya. Seterusnya, ia juga memberi peluang berharga kepada setiap unit untuk mengongsikan bidang tumpuan masing-masing dan menyelaraskan usaha dengan keutamaan organisasi.

BDCB juga memulakan persediaan 2026-2035 dan seterusnya, BDCB Strategic Plan (2026-2030), untuk memastikan kedua-dua dokumen dapat membimbing keutamaan dan objektif jangka panjang organisasi selaras dengan matlamat ekonomi kebangsaan.

Memupuk perkongsian akademik bagi perkembangan

Sebagai sebahagian daripada komitmen BDCB untuk memperkukuh penggubalan dasar berasaskan penyelidikan, BDCB telah menyemai kerjasama dengan beberapa institusi pengajian tinggi secara formal, iaitu UNISSA dan UTB, melalui beberapa MoU.

Kaji Selidik Persepsi Awam BDCB 2024

Kaji Selidik Persepsi Awam ataupun Public Perception Survey (PPS) telah dijalankan pada tahun 2024 dengan objektif-objektif berikut:

- Untuk memahami persepsi dan pemahaman orang awam tentang peranan dan kepentingan BDCB;
- Untuk mendapatkan gambaran keseluruhan tentang hubungan antara BDCB dan orang ramai;
- Untuk mengukur penunjuk-penunjuk reputasi khususnya tahap pengetahuan, penerimaan, kepercayaan, dan sokongan;
- Untuk mengukur persepsi tentang usaha dan inisiatif komunikasi yang lalu; dan
- Untuk mengenal pasti hubungan antara ciri-ciri demografi dan persepsi terhadap BDCB.



Dengan menanda aras kaji selidik lain yang serupa, PPS mengukur:

- Kefahaman am (familiarity) - tahap pengetahuan orang ramai terhadap mandat BDCB, terutamanya peranan dan tanggungjawab yang dilaksanakan dalam memenuhi mandat dalam bidang kuasanya;
- Disenangi (favourability) – sama ada orang ramai melihat BDCB dan perkhidmatan yang disediakan secara positif;
- Keyakinan/kepercayaan (trust) – tahap keyakinan berkaitan kecekapan, integriti, dan komitmen BDCB terhadap kepentingan orang ramai; dan
- Sokongan (advocacy) – sama ada orang ramai akan memberi pandangan yang baik atau kritikal secara aktif tentang BDCB, khususnya dalam keupayaannya untuk memenuhi mandat-mandatnyanya.



Secara amnya, para responden mengetahui tentang peranan BDCB, terutamanya sebagai penggubal dasar, penyelia, dan pengeluar mata wang negara. Manakala bagi kategori Disenangi (favourability), kebanyakan memberi jawapan neutral hingga positif, dengan kira-kira 40% menilai BDCB sebagai sederhana hingga sangat baik. Kategori Kepercayaan (trust) pula menunjukkan tahap yang tinggi, dengan lebih daripada 60% bersetuju pada semua petunjuk di bawah seksyen tersebut. Sebahagian besar daripada kategori Sokongan (advocacy) adalah pada tahap neutral (60%), dengan 37% responden menjawab mereka bersedia untuk memberi pandangan secara positif. Pandangan sebegini menyerlahkan peluang bagi BDCB untuk meningkatkan penglibatan, kesedaran, dan keyakinan orang ramai terhadap peranannya dengan lebih lanjut.

Hasil daripada kaji selidik ini akan digunakan untuk membangunkan dasar dan strategi perhubungan yang relevan untuk mencapai orang ramai dengan lebih berkesan, selaras dengan BDCB Strategic Plan (2016-2025).



Laman utama bagi laman web BDCB yang telah diperbaharui

Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan penyelidikan warga BDCB melalui peluang latihan dengan ahli fakulti atau pelajar di universiti-universiti berkenaan. Pada masa yang sama, kerjasama ini juga membolehkan BDCB dan universiti-universiti tersebut memanfaatkan kepakaran dan pengalaman masing-masing. Ini termasuk memudahkan pertukaran data dan maklumat, bergabung usaha dalam menjalankan kajian selidik dan penyelidikan, serta menganjurkan seminar, bengkel, dan persidangan dalam bidang kewangan.

Selain itu, kerjasama ini memupuk pembangunan modal insan, yang memberikan peluang bagi warga BDCB dan pelajar universiti, serta ahli fakulti untuk mengambil bahagian dalam inisiatif seperti lawatan sambil belajar, sesi perkongsian, undangan sebagai moderator atau ahli panel, serta program latihan amali (internship) dan penempatan kerja.


BDCB dan universiti-universiti tersebut juga boleh bekerjasama untuk membangunkan kursus yang memenuhi keperluan sektor kewangan yang sentiasa berubah, dan menyumbang kepada penerbitan kertas penyelidikan, jurnal akademik, buletin, bahan pendidikan, dan sumber lain yang berkaitan dengan sektor kewangan.


Memperkukuh perhubungan digital dan penglibatan orang ramai
Pada tahun 2024, BDCB telah meningkatkan kewujudan digitalnya dengan pelancaran

laman web dan aplikasi mudah alih yang dikemas kini. Kedua-duanya bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian, ketelusan, dan penglibatan pihak-pihak berkepentingan.

Laman web BDCB tersebut dilancarkan pada bulan Mac 2024, memperkenalkan reka yang lebih mesra pengguna dan navigasi yang diperkemas, membolehkan institusi kewangan, pihak berkepentingan yang lain, dan orang ramai untuk mengakses maklumat penting dengan lebih mudah. Laman web menyediakan butiran lengkap tentang peranan BDCB, data pasaran, dan sumber pendidikan, yang berfungsi sebagai alat untuk memastikan pengguna boleh mendapatkan maklumat terkini.

Seterusnya, aplikasi mudah alih BDCB, yang dilancarkan pada 31 Ogos semasa Financial Fun Fair sempena NFD, menawarkan akses mudah kepada senarai pemegang lesen yang berdaftar di bawah BDCB dan BDCB Alert List. Kedua-dua senarai ini boleh dijadikan sebagai bahan rujukan mengenai kesahihan entiti-entiti yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan di Negara Brunei Darussalam. Aplikasi mudah alih ini juga mengandungi senarai Baki Wang yang Tidak Dituntut, iaitu rekod individu yang mempunyai dana yang tidak dituntut. Selain itu, aplikasi ini dilengkapi dengan set kalkulator kewangan yang membolehkan pengguna mengurus kewangan peribadi dengan lebih berkesan.





Untuk memperkukuh lagi strategi perhubungan, BDCB juga mengadakan lawatan ke Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk memperoleh pandangan tentang amalan-amalan mereka. Lawatan berkenaan menghasilkan pertukaran idea baharu untuk melaksanakan komunikasi bank pusat yang efektif, selaras dengan aspirasi objektif strategik organisasi.

Transformasi digital bagi kecemerlangan operasi

BDCB sentiasa komited untuk meneruskan usaha pemodenan bagi mengoptimumkan produktiviti dan kecekapannya. Untuk menyokong evolusi yang berterusan ini, satu hala tuju transformasi digital dalaman telah dibangunkan, yang bertujuan untuk mencapai kecemerlangan digital, dengan tumpuan untuk memudahkan organisasi menjalankan tugas.

Sebuah jawatankuasa tadbir urus juga ditubuhkan untuk menyelia pembangunan strategik dan pelaksanaan inisiatif transformasi digital BDCB, untuk memastikan tadbir urus yang berkesan, dan penyelarasan dengan objektif jangka panjang. Selaras dengan usaha-usaha ini, BDCB mengadakan lawatan kerja ke Bank of Thailand (BOT) dan BNM untuk mendapatkan pandangan mendalam berkaitan penyelarasan operasi IT dengan objektif strategik, pengurusan teknologi yang efektif, transformasi digital, dan perkembangan modal insan.

Tadbir Urus dan Jaminan

Audit dalaman dan semakan, khidmat nasihat dan perundingan

Aktiviti audit dalaman dalam BDCB dijalankan selaras dengan Institute of Internal Auditors' International Standards for the Professional Practice of Internal Auditing (IIA IPPF).

Pada tahun 2024, keutamaan audit BDCB diselaraskan untuk mengambil kira kebimbangan yang dibangkitkan dan risiko semasa, serta yang menjelang, dalam operasi BDCB. Pelbagai aktiviti audit telah dijalankan sepanjang tahun, termasuk semakan semula dasar dan prosedur bagi pengambilan pekerja, rangka kerja perolehan, dan teknologi maklumat.

Pelan kerja audit dalaman BDCB pada tahun 2024 juga merangkumi pengendalian Penilaian Bebas Customer Security Programme (CSP) Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunications (SWIFT) berkaitan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian, di mana BDCB telah meraih 91% pematuhan dengan kawalan SWIFT CSP seperti yang dinyatakan dalam SWIFT Customer Security Controls Framework v2024.

Aktiviti audit luaran

Menurut seksyen 61 Perintah BDCB, 2010, audit Kewangan dan Berkanun bagi BDCB Group and Al-Munawwarah Sdn. Bhd. bagi tahun kewangan 2024 telah dibuat oleh PricewaterhouseCoopers (PwC).

Membina keupayaan melalui pertukaran pengetahuan

Seramai dua orang kakitangan telah menyertai lawatan kerja strategik ke beberapa bank pusat serantau untuk memperoleh pemahaman mendalam tentang amalan operasi, dengan tumpuan pada beberapa bidang utama seperti strategi audit dalaman, jaminan kualiti, analisis data, dan aplikasi inovatif. Lawatan ini memberikan perspektif berharga tentang amalan terbaik, meningkatkan pendekatan BDCB terhadap operasi dalaman dan menyokong penambahbaikan tadbir urus dan prestasi yang berterusan.

Komitmen dalam Pengurusan Risiko

Memperkuh pengurusan risiko dan kedayatahan organisasi

Pada tahun 2024, BDCB memberi tumpuan pada memperkuh pengurusan risiko dengan meningkatkan dasar dan rangka kerja utama yang berkaitan dengan selera risiko, penunjuk risiko utama, pengurusan insiden, tindak balas perhubungan, pemulihan bencana, dan kesinambungan perniagaan. Semakan berterusan ini memastikan dasar-dasar yang berkenaan adalah selaras dengan operasi dan objektif BDCB.

Selaras dengan ISO 31000, rangka kerja risiko BDCB mentakrifkan tahap risiko yang boleh diterima dalam usaha mencapai mandatnya, membimbing pengenalanpastian, penilaian dan pengurusan potensi risiko. Risk Appetite Framework, di samping Risk Horizon Scanning tahunan, memastikan satu pendekatan yang sistematik dan bertanggungjawab untuk mengurus risiko selaras dengan matlamat strategik.

Dasar-dasar kedayatahan BDCB menekankan kesiapsiagaan krisis, sejajar dengan amalan terbaik seperti piawaian ISO 22300 dan ISO 2700. Rangka kerja ini memastikan komunikasi yang berkesan, pengurusan insiden, dan kesinambungan perkhidmatan penting jika berhadapan dengan sebarang gangguan.

Latihan kesinambungan perniagaan yang berterusan pada tahun 2024 telah mengukuhkan

lagi kesiapsiagaan tenaga kerja dan kedayatahan sistem kritikal. Pendekatan komprehensif terhadap pengurusan kedayatahan dan risiko memastikan BDCB boleh menjangkakan cabaran secara proaktif, serta mengurangkan sebarang impak negatif dan waktu pemulihan yang diperlukan.

Menguruskan barisan pertahanan organisasi

BDCB terus memperkuh tenaga kerjanya dalam beberapa bidang utama, termasuk pematuhan, pengurusan risiko operasi, keselamatan maklumat, risiko penipuan, daya tahan tiga barisan pertahanan. Dengan penekanan terhadap keselamatan maklumat, BDCB mengekalkan keselarasan dengan piawaian ISO 27000 dan memupuk budaya kesedaran siber melalui usaha kerjasama. Antara inisiatif utama ialah pengenalan kepada dasar keselamatan maklumat dan pengendalian data berperingkat untuk pegawai dan kakitangan baharu.

Pertandingan Information Security Escape Room juga diumumkan pada bulan Oktober, yang merupakan Bulan Kesedaran Keselamatan Siber. Aktiviti ini antarlainnya bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan keselamatan dan menggalakkan budaya celik risiko. Selain itu, beberapa modul latihan telah diperluas untuk merangkumi topik-topik pematuhan seperti pendedahan maklumat, pencegahan penipuan, dan konflik kepentingan, serta nilai teras integriti.

Untuk menilai impak inisiatif ini, BDCB telah menjalankan Penilaian Pengetahuan dan Budaya Keselamatan Maklumat tahunannya pada penghujung tahun 2024, yang mengenal pasti jurang kecekapan dan membimbing penambahbaikan program latihan di masa akan datang.



Information Security Escape Room